Hujung Minggu
PELITA BRUNEI
فليتا برونى
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN demi sesungguhnya jika Kami merasakan (mengurniakan) manusia suatu rahmat daripada Kami, kemudian rahmat itu Kami cabut daripadanya tentulah dia berputus asa merasakan (mengurniakan) kepadanya nikmat sesudah ditimpa kemudaratan, tentulah dia berkata : "Telah hilang segala bencana yang menimpa aku". Sesungguhnya dia (berasa) sangat gembira lagi membangga-banggakan diri. Kecuali orang-orang yang sabar dan mengerjakan amalan-amalan soleh. Mereka itulah yang akan mendapat keampunan dan pahala yang besar". - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Hud, ayat 9-11.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.04 | ISYAK 7.14
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 127 | 24 OKTOBER 2026 / 1448 جمادي الأول 13 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

PENGGUNAAN AI PERLU BERPANDUKAN PRINSIP SYARAK, NILAI ISLAM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Canselor Universiti Brunei Darusaalam. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Oleh : Nooratini Haji Abas

TUNGKU LINK, Khamis, 22 Oktober. – Pemerkasaan teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (AI) dalam pendidikan Islam hendaklah diadun secara bijaksana dengan penguasaan ilmu Turath dan kontemporari sebagai suatu ikhtiar strategik untuk memperkukuhkan lagi penyampaian ilmu, tanpa menjejaskan prinsip syariat dan adab keilmuan.

Pendekatan sedemikian adalah penting bagi membina ketahanan di kalangan generasi pendidik supaya terus mampu mendepani pengaruh pemikiran dan ideologi yang bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bertitah menekankan perkara berkenaan pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), pagi tadi, di sini.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya mengambil maklum dan menyambut baik komitmen KUPU SB dalam memperkukuh kurikulum yang holistik yang selaras dengan keperluan semasa.

Usaha ini, titah baginda lagi, bukan sahaja berupaya meningkatkan kebolehpasaran graduan, bahkan juga turut memperkasa mereka sebagai mampu untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada institusi, masyarakat dan negara melalui penguasaan ilmu.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah juga menegaskan, KUPU SB perlu terus membangunkan ekosistem pendidikan yang komprehensif melalui jalinan kolaborasi strategik dengan para rakan, di samping memastikan program-program yang ditawarkan kekal relevan dengan perkembangan semasa.

Menurut titah baginda, langkah ini juga wajar diperkukuh melalui pelaksanaan Program Pembangunan Profesional Berterusan (Continuous Professional Development - CPD) bagi meningkatkan lagi keupayaan para Alumni KUPU SB agar sentiasa selaras dengan perubahan dan keperluan semasa, sekali gus mendukung pendidikan dan pembentukan modal insan yang unggul dan berdaya saing.

>> Muka 2

Penyelarasan kukuh, akauntabiliti bersama asas kemajuan negara

Oleh : Nooratini Haji Abas

GADONG, Rabu, 21 Oktober. - Dalam usaha mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035, kepimpinan yang berkesan akan terus memainkan peranan penting dalam membentuk hasil yang dihasratkan.

Kejayaan agenda kebangsaan bukan sahaja bergantung pada pelaburan dan dasar-dasar yang digubal, malah bergantung pada pemimpin yang mampu menggerakkan rakyat, mengharungi ketidakpastian, dan memacu perubahan yang bermakna.

Pemimpin sebegini akan memainkan peranan utama dalam memastikan institusi negara kekal berdaya tahan, inovatif, serta bersedia menghadapi peluang dan cabaran pada masa hadapan.

>> Muka 15

Kerjasama strategik perkukuh akses pemilikan rumah bagi rakyat

Oleh : Marlinawaty Hussin

JERUDONG, Khamis, 22 Oktober. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP), Kementerian Pembangunan, memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuh akses kepada pemilikan rumah serta meneroka peluang baharu untuk membantu lebih ramai rakyat di negara ini memiliki rumah sendiri.

Kerjasama strategik selama lima tahun berkenaan dimeterai bersempena dengan Majlis Pelancaran Pameran Rumah Impian Mampu Milik anjuran bersama BIBD dan JKP di Dewan 2, BRIDEX, Jerudong, hari ini.

>> Muka 16

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



KOMITMEN berterusan NBD membanteras jenayah rentas sempadan
Muka 14



KERJASAMA serantau, tindakan bersepadu perkukuh sistem kesihatan
Muka 18



PERLINDUNGAN kanak-kanak dalam talian perlukan tindakan bersepadu
Muka 26



GRADUAN IBTE melakar kejayaan
Muka 28

PELITA BRUNEI

Penggunaan AI perlu berpandukan prinsip syarak, nilai Islam

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor/ Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

"Dalam hal ini, beta menyambut baik inisiatif KUPU SB dalam memperluas program *upskilling* dan *reskilling* melalui penubuhan Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi KUPU SB. Kewujudan pusat ini diharapkan akan dapat menyemarakkan lagi budaya pembelajaran sepanjang hayat, di samping memperkaya pengetahuan dan meningkatkan keupayaan para graduan serta alumni.

"Lebih penting lagi, inisiatif tersebut berupaya untuk melahirkan sumber manusia yang berpegang teguh kepada prinsip syarak, memiliki keupayaan yang relevan dengan keperluan semasa, berdaya saing dalam pasaran pekerjaan serta memperoleh pengiktirafan melalui pensijilan kemahiran yang diiktiraf," titah baginda lagi.

Terdahulu dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan, perkembangan AI menjadi teknologi yang paling digemari pada abad ini, yang membawa perubahan besar kepada landskap pendidikan dan kehidupan masyarakat.

Dalam hubungan ini titah baginda, KUPU SB sebagai institusi peneraju perguruan ugama hendaklah tidak hanya menjadi pengguna teknologi, tetapi juga berupaya untuk menjadi pemimpin pendekatan pedagogi dan etika penggunaan AI yang berpandukan prinsip syarak, nilai Islam dan adab keilmuan yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

Kebawah DYMM juga mengambil maklum akan kesungguhan KUPU SB dalam mempertahankan dan mengembangkan pengajian kitab Turath dan tulisan Jawi dalam pembinaan kurikulumnya pada semua peringkat pengajian.

"Beta melihat usaha ini amat penting bagi memastikan kemajuan pendidikan dan teknologi terus berpaksikan khazanah ilmu Islam, di samping memelihara jati diri, tradisi keilmuan dan kesinambungan warisan pendidikan ugama," titah baginda lagi.

Terdahulu dalam titah, Kebawah DYMM turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Penghargaan juga baginda tujukan kepada para tenaga akademik, ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga yang telah mencurahkan segala usaha membimbing, mendorong dan memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi sehingga para graduan berjaya mencapai kejayaan yang membanggakan.

Oleh yang demikian, Kebawah DYMM bertitah berharap kejayaan yang diraih ini tidak hanya dilihat sebagai pencapaian peribadi, tetapi juga perlu diterjemahkan sebagai sumbangan untuk ugama, raja dan negara.

Mengakhiri titah, baginda turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga KUPU SB, khususnya pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Kolej Universiti, Ra'es, Ahli-Ahli Senat, pegawai-pegawai utama, para ahli akademik, pegawai dan kakitangan KUPU SB atas segala jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan.

Kebawah DYMM juga turut sama-sama mendoakan semoga semua ilmu yang didapat oleh para graduan menjadi ilmu yang bermanfaat, diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dan KUPU SB terus diberkati dalam melahirkan graduan berilmu dan berakhlak mulia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Canselor Universiti Brunei Darusaalam.

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	SABTU	13	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
25	AHAD	14	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14
26	ISNIN	15	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
27	SELASA	16	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
28	RABU	17	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
29	KHAMIS	18	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13
30	JUMAAT	19	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	32 / 25 °C	32 / 24 °C	32 / 24 °C
Pekan Bangar	32 / 25 °C	32 / 24 °C	32 / 24 °C
Pekan Tutong	32 / 25 °C	32 / 24 °C	32 / 24 °C
Kuala Belait	32 / 25 °C	32 / 24 °C	32 / 24 °C

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 24 OKTOBER 2026

Buat pengesahan sebelum membuat pelaburan

KEMAJUAN teknologi masa kini, terutamanya Kecerdasan Buatan (AI), telah memudahkan penghasilan, pengubahsuaian dan penyebaran kandungan digital yang kelihatan meyakinkan. Kita perlu tahu bahawa imej, video, rakaman suara, tangkapan skrin dan dokumen boleh dimanipulasi atau direka untuk membuat sesuatu promosi pelaburan kelihatan benar. Wajah atau suara individu yang dikenali juga boleh digunakan tanpa pengetahuan atau kebenaran individu berkenaan.

Sepertimana yang dikongsikan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), maklumat yang mengelirukan boleh tersebar dengan pantas melalui media sosial, platform 'pemesejan' dan rangkaian peribadi yang dipercayai. Justeru, sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan kandungan pelaburan yang dilihat dalam talian, luangkan masa untuk mengesahkan kesahihan kandungan tersebut serta sumber asalnya. Pastikan semak sumber dan kesahihan sokongan. Jangan bergantung semata-mata kepada akaun, pautan atau maklumat perhubungan yang diberikan dalam video, iklan atau mesej yang dikongsikan.

Sekiranya seseorang tokoh terkenal, syarikat atau organisasi dilihat mempromosi sesuatu pelaburan, sahkan terlebih dahulu melalui laman sesawang atau saluran media sosial rasmi mereka. Orang ramai perlu tahu bahawa penipu (*scammer*) boleh menyalahgunakan nama, imej, suara, logo atau identiti jenama untuk menjadikan sesuatu pelaburan kelihatan sah. Kandungan sedemikian boleh kelihatan sangat meyakinkan, sehingga sukar untuk membezakan sama ada sesuatu sokongan berkenaan benar atau palsu. Tangkapan skrin yang menunjukkan keuntungan, baki akaun atau pengeluaran wang boleh dimanipulasi atau dipaparkan di luar konteks sebenar. Pastikan kita membuat pengesahan sewajarnya sebelum mengambil sebarang tindakan.

Gunakan alat AI dengan berhati-hati walaupun alat AI boleh membantu menjelaskan istilah kewangan yang kurang difahami. Namun begitu, maklumat yang diberikan mungkin tidak tepat, lengkap atau terkini. Oleh itu, pastikan maklumat penting disemak dan disahkan melalui dokumen rasmi produk pelaburan serta sumber yang boleh dipercayai. Jangan sesekali berkongsi kata laluan, nombor pengenalan peribadi (PIN), kod pengesahan, maklumat akaun atau maklumat sensitif yang lain melalui alat AI atau platform dalam talian yang tidak dikenali.


Sebelum mempercayai atau berkongsi kandungan pelaburan yang diperoleh melalui video di media sosial, alat AI, kumpulan WhatsApp atau individu yang awda kenali, kita perlu beringat bahawa maklumat yang kelihatan meyakinkan tidak semestinya benar atau sahih. Video, tangkap layar atau mesej yang kelihatan meyakinkan bukanlah bukti bahawa sesuatu pelaburan itu sah. Orang ramai diingatkan agar membuat pengesahan sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. **- Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتريبتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

248 GRADUAN KUPU SB DIRAIKAN





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 di Dewan Canselor Universiti Brunei Darusaalam (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUNGKU LINK, Khamis, 22 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada seramai 248 graduan bagi Program Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama, Sarjana Perguruan Ugama, Diploma Lepasan Ijazah, Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah, Sarjana Muda Perguruan Ugama dan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 yang berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam, pagi tadi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned dan diteruskan dengan Zikir al-Asma' al-Husna beramai-ramai.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut menjunjung keberangkatan tiba ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad dan Pendaftar KUPU SB, Pengiran Zainathul Shema binti Pengiran Haji Metassan.

Perarakan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam didahului dengan pengusungan mushaf Al-Quran yang dibawa masuk ke dalam dewan oleh Penulis Mushaf KUPU SB, Awang Mohd. Adi Yusnira bin Haji Johari. Sejurus itu, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan beramai - ramai.

Majlis disemarakkan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Ar-Rahman, ayat 1 hingga 13 beramai-ramai oleh para graduan Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16. Inti sari ayat dibacakan oleh Awang Hilman bin Haji Salim, graduan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Kajian Ahli Sunnah Waljamaah) manakala bacaan hadis pula disampaikan oleh Awang Muhd. Syafiq bin Haji Abu Bakar, graduan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan Minor Bimbingan dan Kaunseling.

>> Muka 4







BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan menadah tangan ketika doa dibacakan.



PARA graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 (atas).

SERAMAI 248 graduan bagi Program Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama, Sarjana Perguruan Ugama, Diploma Lepasan Ijazah, Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah, Sarjana Muda Perguruan Ugama dan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama hadir pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 (kiri).

PELITA BRUNEI





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada para graduan (kiri dan kanan).

>> Muka 3

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Arman. Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada seramai 248 graduan mengikut bidang masing-masing iaitu tiga graduan dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama dalam Bidang Kajian Ahli Sunnah Waljamaah dan Bidang Pendidikan Islam serta Bidang Syariah.

Seterusnya, 10 graduan menerima Ijazah Sarjana Perguruan Ugama dalam Bidang Kajian Ahli Sunnah Waljamaah, Bidang Pendidikan Islam, Bidang Syariah dan juga Bidang Usuluddin; dua graduan dianugerahkan Diploma Lepasan Ijazah; 14 graduan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (Bahasa Arab) dan 25 graduan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (Pendidikan Islam).

Selain itu, tiga graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab). Manakala 69 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan minor tertentu iaitu Minor Bimbingan dan Kaunseling, Fiqh Ahwal Syahkhsiah, Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam, Kewangan Islam, Pendidikan Awal Kanak - kanak, Pendidikan Keluarga Islam, Pendidikan Khas dan Pendidikan Melayu Islam Beraja.

>> Muka 5







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai dan dijunjung menyaksikan pameran (atas, atas kiri dan kiri). Sementara gambar-gambar di bawah, para graduan yang diraikan.









KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 4

Seterusnya, tujuh graduan dianugerahkan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab) dan 115 graduan dianugerahkan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam). Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Kebawah DYMM kemudian berkenan dijunjung menyaksikan pameran yang mengetengahkan pencapaian dan inisiatif strategik KUPU SB melalui tiga teras utama iaitu Memacu Kegemilangan Pendidikan Islam Melalui Inovasi dan Perkhidmatan Cemerlang; Memperkasa Ilmu, Menjana Potensi, Membina Masa Depan dan Membentuk Generasi Pemimpin Berbakti serta Bernilai Murni.

Pameran ini mencerminkan iltizam KUPU SB dalam memperkasa martabat penyelidikan dan inovasi, memperluas jaringan kolaborasi, meningkatkan kapasiti, menerajui kecemerlangan akademik serta melahirkan graduan yang berilmu, berakhlak dan berupaya menyumbang secara signifikan kepada agama, masyarakat dan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 6







SEKITAR keberangkatan Kebawah DYMM selepas Majlis Konvokesyen berkenaan (atas, atas kanan dan kanan). Manakala gambar-gambar di bawah, para graduan tidak melepaskan peluang untuk bergambar ramai bersama keluarga masing-masing.







>> Muka 5

Seiring dengan visi untuk menjadi institusi perguruan ugama yang unggul dalam melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan negara, KUPU SB terus komited dalam memperkasa martabat penyelidikan dan inovasi, memperluas jaringan kolaborasi, meningkatkan kapasiti, menerajui kecemerlangan akademik serta melahirkan graduan yang berilmu, berakhlak dan berupaya menyumbang secara signifikan kepada agama, masyarakat dan negara.





KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama graduan dan bergambar ramai (kiri dan kanan).

USAHA, INISIATIF KUPU SB CAPAI OBJEKTIF DALAM SISTEM PENDIDIKAN TINGGI

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUNGKU LINK, Khamis, 22 Oktober. - Dalam usaha memastikan program pengajian yang ditawarkan kekal berkualiti, relevan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, pada 8 Julai 2026, Program Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah dianugerahkan status Akreditasi Penuh oleh AsTEN Teacher Education Quality Assurance Agency (ATQA), yang berkuat kuasa sehingga 18 November 2029. ATQA merupakan agensi akreditasi di bawah AsTEN, iaitu sebuah entiti yang bersekutu dengan ASEAN.

Pencapaian gemilang ini merupakan kesinambungan dan kemuncak kepada perjalanan yang telah dirintis sejak tahun 2024, apabila program ini mencipta sejarah sebagai program perguruan pertama dalam kalangan anggota AsTEN yang memperoleh akreditasi ATQA.

Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad menyembahkan perkara itu dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 yang berlangsung pagi tadi di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Daripada asas tersebut sembahnya, seluruh warga KUPU SB telah terus berusaha dengan penuh kesungguhan, ketekunan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk memperkasa mutu kurikulum, sistem penyampaian pengajaran dan pembelajaran serta tadbir urus jaminan kualiti. Hasilnya, program ini kini berdiri teguh dengan pengiktirafan penuh di peringkat serantau. "Akreditasi Penuh merupakan bukti nyata bahawa program perguruan ugama kita telah mencapai tahap kemantapan dan kematangan yang setanding dengan piawaian serantau. Pencapaian ini juga selaras dengan hasrat negara untuk melahirkan guru-guru ugama yang berwibawa, berkualiti dan berdaya saing," sembah Ra'es KUPU SB.

Bagi meneruskan momentum kejayaan ini, sembahnya lagi, KUPU SB telah menaik taraf Unit Pengurusan Strategik dan Jaminan Kualiti menjadi Pusat Pengurusan Strategik dan Kecemerlangan Universiti bermula pada 1 Oktober 2026. Melalui tiga unitnya, iaitu Unit Strategik, Unit Jaminan Kualiti dan Unit Pengiktirafan, pusat ini akan menjadi peneraju agenda keterlihatan dan pengiktirafan KUPU SB di peringkat antarabangsa.

Namun sembah Ra'es KUPU SB, perlu ditegaskan bahawa KUPU SB bukan mengejar ranking semata-mata. Yang lebih utama ialah memastikan setiap aktiviti dan inisiatif strategik KUPU SB adalah berpaksikan piawaian universiti bertaraf antarabangsa, agar KUPU SB tidak ketinggalan dalam arus perkembangan pendidikan tinggi global. Kriteria yang ditetapkan oleh badan-badan pengiktirafan akan dijadikan penanda aras bagi memperkasa kualiti KUPU SB secara menyeluruh.

"Kriteria ini merangkumi penyelidikan dan penerbitan, jaringan kerjasama, kebolehpasaran dan kebolehkerjaan graduan, khidmat masyarakat serta kelestarian. Pusat ini juga akan memastikan setiap keputusan dipandu oleh data dan setiap urusan pentadbiran dilaksanakan secara tersusun melalui sistem jaminan kualiti yang mantap," sembah Ra'es KUPU SB.

Di samping itu, Ra'es KUPU SB juga menyembahkan, sejajar dengan usaha memperkukuhkan program pengajian agar kekal relevan dengan keperluan semasa. Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, KUPU SB telah memperkenalkan Minor Kewangan Islam Kontemporari bagi Program Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam).

Sembah Ra'es KUPU SB, minor ini mula ditawarkan pada Semester I, Sesi Pengajian 2026 / 2027, dengan matlamat memberikan pendedahan asas yang kukuh mengenai prinsip dan instrumen kewangan Islam kontemporari, merangkumi bidang pelaburan dan pasaran modal Islam, takaful dan pengurusan risiko serta *fintech* dan inovasi kewangan Islam.

"Adalah diharapkan usaha ini dapat melahirkan graduan yang bukan sahaja berkemahiran dalam bidang perguruan ugama, malah turut mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan Islam, seterusnya meningkatkan kebolehpasaran graduan KUPU SB dalam industri kewangan Islam yang kian berkembang pesat di peringkat serantau dan antarabangsa," sembahnya lagi.

Ra'es KUPU SB seterusnya menyembahkan bermula Sesi 2026 / 2027, Fakulti Usuluddin KUPU SB telah memperkenalkan Program Diploma Tahap 5 Tafaqquh Usuluddin, sebuah program baharu yang bertujuan untuk membuka ruang pembelajaran ilmu-ilmu asas ugama seperti Akidah, Tafsir, Hadis, Tasawuf dan Dakwah kepada masyarakat umum, khususnya golongan matang berusia 40 tahun ke atas.

Program yang dijalankan secara separuh masa sembahnya, selama empat semester ini, sejajar dengan hasrat untuk memupuk pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*) dan membentuk masyarakat yang berilmu, bertakwa dan berakhlak mulia, selaras dengan konsep Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai Negara Zikir. Selain itu, dalam sembah Ra'es KUPU SB, bagi menanai titah Kebawah DYMM dalam Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-15, supaya KUPU SB menjadi benteng pertahanan terhadap pelbagai aliran pemikiran yang menyeleweng daripada ajaran Islam, KUPU SB terus komited memperkukuhkan kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah dalam kalangan pelajar dan masyarakat menerusi pelbagai inisiatif.

"Antaranya adalah dengan menjadikan kursus-kursus kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah sebagai sebahagian daripada kursus wajib universiti dalam program pengajian akademik KUPU SB dan menawarkan beberapa minor dalam bidang pengajian Ahli Sunnah Waljamaah, iaitu Minor Aqidah Ahli Sunnah Waljamaah, Minor Fiqh Ahli Sunnah Waljamaah dan Minor Akhlak dan Tasawuf Ahli Sunnah Waljamaah, di samping memperkukuh peranan Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah sebagai pusat rujukan dan penyebaran kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah melalui jaringan kerjasama strategik serta penglibatan berterusan bersama masyarakat," sembah Ra'es KUPU SB.

Inisiatif itu sembahnya, diterjemahkan melalui penganjuran pelbagai program berkala seperti Seminar Antarabangsa Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa Kali Ke-3, 2026 (SAKAPES 3, 2026), Persidangan Antarabangsa Pemikiran Islam Kali Ke-4 (PEMIKIR 4, 2025), Kuliah Bulanan Ahli Sunnah Waljamaah, Nadwah Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah dan Jerayawara Penghayatan Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah di pelbagai daerah.

Usaha ini, sembahnya lagi, turut diperluas melalui penganjuran Mu'tamar Antarabangsa Fiqh al-Usrah (MuAFiq 25/26), Program Dakwah Melalui Tadabbur Al-Quran dan Al-Hadith serta Program Pendidikan Syariah 3.0.

Secara keseluruhannya, program-program ini berperanan mengukuhkan kefahaman ugama yang sahih sekali gus menjadi benteng masyarakat daripada sebarang serangan pemikiran dan ideologi baharu yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.

"Sejajar dengan komitmen KUPU SB dalam memelihara, memperkasa dan mendaulatkan tulisan Jawi sebagai salah satu identiti penting NBD, sukacita hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan bahawa Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath KUPU SB telah menganjurkan Muzakarah Mendaulatkan Tulisan Jawi di NBD pada 16 Muharam 1448 Hijrah bersamaan 2 Julai 2026 Masihi yang lalu.

"Muzakarah ini menjadi wadah perbincangan ilmiah bagi meneliti isu, cabaran dan hala tuju pemerkasaan tulisan Jawi secara bersama, terancang dan berkesinambungan," sembahnya lagi.

Bermula pada Sesi 2026 / 2027 sembahnya, KUPU SB turut memperkenalkan Program Penilaian Penguasaan Tulisan Jawi (PPPTJ) khusus bagi pelajar baharu, sebagai mekanisme penilaian awal untuk mengenal pasti tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar sebelum mereka mengikuti pengajian di KUPU SB, seterusnya melahirkan graduan yang mampu menguasai dan mengaplikasikan tulisan Jawi dengan baik dalam pembelajaran, penyelidikan mahupun bidang profesional.

Selain itu beliau juga menyembahkan, tahun 2026 mencatatkan satu lagi perkembangan penting apabila KUPU SB memulakan pengambilan pertama pelajar bagi program Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana dalam bidang Jawi dan Kitab Turath, sekali gus merealisasikan hasrat yang disembahkan dalam Majlis Konvokesyen Ke-15 tahun lalu untuk mengangkat pengajian Jawi dan Kitab Turath ke peringkat pendidikan tinggi dan penyelidikan lanjutan.

Melaluinya, bidang Jawi dan Kitab Turath Melayu Jawi bukan lagi sekadar dilihat sebagai kemahiran menulis dan membaca, tetapi telah dikembangkan sebagai suatu disiplin ilmu yang mempunyai ruang penyelidikan, pengembangan keilmuan dan penerbitan akademik.

"Usaha KUPU SB bagi penambahbaikan berterusan sistem pengurusan dan perkhidmatan akademiknya telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila Pusat Pengajian Siswazah KUPU SB dianugerahkan Gold Medal (Professional) menerusi projek Transformasi Digital : Sistem Pengajian Siswazah Bersepadu (SPSB) dalam International Conference on Teaching and Education (ICTE2026) Digital Innovation Competition. Pembangunan SPSB sebagai platform digital bersepadu bertujuan memperkukuhkan pengurusan pengajian siswazah melalui pendigitalan pengurusan akademik," sembah Ra'es KUPU SB.

Pengiktirafan itu sembahnya, wajar menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga KUPU SB untuk terus mempergiatkan usaha penambahbaikan tadbir urus melalui inovasi.

Secara keseluruhan, semua usaha dan inisiatif yang telah dilakukan adalah sejajar dengan visi, misi dan objektif KUPU SB, dan berdasarkan amalan terbaik serta garis panduan yang lazim digunakan dalam sistem pendidikan tinggi. Dengan peningkatan yang berterusan, semoga KUPU SB akan mencapai statusnya menjadi sebuah universiti penuh pada suatu hari nanti.



RA'ES KUPU SB semasa sembah alu-aluannya.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Pendakwa Raya China, Tuan Yang Terutama Ying Yong; Ketua Pendakwa Raya Kemboja, Puan Yang Terutama Chea Leang. Berangkat sama ialah paduka anakanda baginda (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima mengadap 13 Ketua Delegasi ASEAN dan dari Republik Rakyat China yang menyertai 16th China-ASEAN Prosecutor's General Conference (CAPGC) yang berlangsung mulai 20 hingga 22 Oktober 2026.

Berangkat sama ke Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Ketua-ketua Delegasi tersebut terdiri daripada Ketua Pendakwa Raya China, Tuan Yang Terutama Ying Yong; Ketua Pendakwa Raya Kemboja, Puan Yang Terutama Chea Leang; Peguam Negara Malaysia, Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Dusuki bin Mokhtar; Menteri Kesatuan dan Peguam Negara Republik Kesatuan Myanmar, Puan Yang Terutama Dr. Thida Oo; Peguam Negara Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lucien Wong; Ketua Pendakwa Raya Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. Nelson De Carvalho; Ketua Pendakwa Raya Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Huy Tien; Timbalan Peguam Negara Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. R. Narendra Jatna; Timbalan Ketua Pendakwa Raya Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounthanh Bounthavilay; Pendakwa Raya Wilayah Republik Filipina, Puan Yang Terutama Rohairah Ampuan Lao; Timbalan Peguam Negara Thailand, Tuan Yang Terutama Chart Chaidejsuriya; Setiausaha Kehakiman Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Tuan Yang Terutama Paul Lam Ting-kwok; dan Ketua Pendakwa Raya Wilayah Pentadbiran Khas Macao, Tuan Yang Terutama Dr. Tong Hio Fong.

Turut hadir ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, selaku Pengerusi CAPGC ke-16, dan Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam) selaku Pemangku Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Peguamcara Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi, dan Penolong Peguamcara Negara, Dayang Hajah Suriana binti Haji Radin.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Ketua-ketua Delegasi telah berbincang mengenai perkembangan dan isu-isu perundangan di rantau ASEAN dan Republik Rakyat China khasnya Hong Kong dan Macau.

CAPGC Ke-16 merupakan sebuah platform pertukaran maklumat pelbagai hala di peringkat tinggi di antara pihak berkuasa pendakwaan Republik Rakyat China dan Negara-negara ASEAN berkenaan isu-isu kepentingan bersama, yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dalam membanteras jenayah rentas negara, melindungi kesejahteraan hidup rakyat dan mengekalkan kestabilan serantau.

>> Muka 8





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap Peguam Negara Malaysia, Tuan Yang Terutama Tan Sri Mohd. Dusuki bin Mokhtar; Menteri Kesatuan dan Peguam Negara Republik Kesatuan Myanmar, Puan Yang Terutama Dr. Thida Oo; Peguam Negara Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lucien Wong (kiri dan kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap Ketua Pendakwa Raya Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. Nelson De Carvalho; Ketua Pendakwa Raya Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Huy Tien dan Timbalan Peguam Negara Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. R. Narendra Jatna (kanan dan kanan sekali).









KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap Timbalan Ketua Pendakwa Raya Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounthanh Bounthavilay; Pendakwa Raya Wilayah Republik Filipina, Puan Yang Terutama Rohairah Ampuan Lao dan Timbalan Peguam Negara Thailand, Tuan Yang Terutama Chart Chaidejsuriya (kiri sekali dan kiri).

>> Muka 7

Persidangan pada tahun ini diadakan di bawah tema 'Protecting Children in the Digital Age: Harmonizing Legal Frameworks and International Cooperation'.





KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap Setiausaha Kehakiman Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Tuan Yang Terutama Paul Lam Ting-kwok dan Ketua Pendakwa Raya Wilayah Pentadbiran Khas Macao, Tuan Yang Terutama Dr. Tong Hio Fong (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama 13 Ketua Delegasi ASEAN dan dari Republik Rakyat China yang menyertai 16th China-ASEAN Prosecutor's General Conference.

DYTM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), pagi tadi berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu.

Majlis Mengadap berkenaan telah berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Seri Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdul Mahdani bin Dato Paduka Sheikh Abdul Gani; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke NBD, Puan Yang Terutama Do Thuy Duong; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke NBD, Tuan Yang Terutama Soe Thet Naung dan Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Puan Yang Terutama Melanie Barlow.

Pada 19 Oktober 2026, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baharu dan juga menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang baharu ke NBD.

Turut hadir pada Majlis Mengadap berkenaan, Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Seri Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdul Mahdani bin Dato Paduka Sheikh Abdul Gani dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke NBD, Puan Yang Terutama Do Thuy Duong; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke NBD, Tuan Yang Terutama Soe Thet Naung dan Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Puan Yang Terutama Melanie Barlow (atas kiri, atas tengah dan kanan).



BERANGKAT MENYAKSIKAN SEPARUH AKHIR PIALA FA





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM berangkat menyaksikan perlawanan separuh akhir pertama Piala FA 2026/2027 (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Jumaat, 23 Oktober. - DPMM FC terpaksa akur dengan kekalahan 0 - 2 kepada Johor Darul Ta'zim (JDT) FC dalam aksi separuh akhir pertama Piala FA 2026/2027 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

Kekalahan itu menyaksikan DPMM FC berdepan tugas mencabar menjelang perlawanan timbal balik di Stadium Sultan Ibrahim pada 8 November depan, apabila JDT FC membawa bekalan dua gol untuk mengukuhkan peluang mara ke peringkat akhir.

Perlawanan yang disaksikan oleh 13,000 penyokong setia itu bermula rancak dengan kedua-dua pasukan saling melancarkan serangan sebaik sahaja wisel permulaan dibunyikan.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

DPMM FC hampir membuka tirai jaringan pada minit-minit awal menerusi beberapa percubaan deras beberapa penyerang import mereka, namun ketangkasan penjaga gawang JDT berjaya menafikan peluang tersebut.

JDT FC yang turun selaku pasukan pilihan mula memperkemaskan rentak permainan, menerusi hantaran-hantaran kemas di bahagian tengah. Usaha itu membuahkan hasil pada minit ke-9 apabila Bergson Gustavo Silveira Da Silva berjaya membolosi penjaga gawang tuan rumah.

Kedudukan 1 - 0 kekal sehingga tamat separuh masa pertama.

Memasuki babak kedua, DPMM FC cuba bangkit dengan melakukan beberapa pertukaran strategi bagi memburu gol penyamaan.

Bagaimanapun, benteng pertahanan JDT mempamerkan disiplin tinggi untuk menyekat setiap asakan pasukan tuan rumah.

Sebaliknya, JDT FC berjaya menggandakan kelebihan pada minit ke-72 menerusi tandukan Pascual Israfilov Eddy Silvestre, sekali gus meletakkan pasukan pelawat di hadapan dengan kelebihan dua gol.

Keputusan 2 - 0 kekal sehingga wisel penamat dibunyikan, memberikan JDT FC kelebihan menjelang aksi separuh akhir kedua.

Dalam Sidang Media yang diadakan selepas perlawanan, Ketua Jurulatih DPMM FC, Jamie McAllister melahirkan pujian kepada para pemainnya yang menunjukkan prestasi yang sangat baik di sebalik terpaksa berhadapan dengan pemain pasukan lawan yang agak kuat, namun mereka tetap berusaha dengan padu di sepanjang permainan.

Perlawanan timbal balik di Stadium Sultan Ibrahim nanti akan menentukan pasukan mana yang bakal mara ke peringkat akhir Piala FA musim ini.

Sementara itu, dalam saingan Liga Super Malaysia 2026/2027, DPMM FC dijadualkan menentang Negeri Sembilan FC di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 30 Oktober nanti.



ANTARA aksi perlawanan DPMM FC menentang JDT FC dalam aksi separuh akhir pertama Piala FA 2026/2027 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (kanan dan kanan sekali).



SEBAHAGIAN daripada yang hadir memenuhi stadium dan memberikan sokongan kepada DPMM FC (bawah kiri dan bawah).





PELITA BRUNEI

PAMERAN URUSAN RUMAH TANGGA 2026 DIRASMIKAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Pameran Urusan Rumah Tangga sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-80 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara dan dijunjung bergambar ramai (atas kanan dan atas).





YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan mengurniakan hadiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Pameran Urusan Rumah Tangga sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-80 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara dirasmikan dalam satu majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Berangkat ke majlis berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Yang Dipertua Persatuan Pertiwi, Datin Dayang Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi Bersama Majlis, serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan.

Dalam sembah alu-aluannya, Datin Dayang Hajah Siti Hajar antara lain menekankan kepentingan kaum ibu untuk sentiasa peka terhadap perkembangan semasa dalam menghadapi suasana global yang semakin mencabar, khususnya dalam melaksanakan tanggungjawab menjaga dan mendidik anak-anak.

Menurutnya, kepekaan tersebut penting bagi membolehkan kaum ibu menangani pelbagai permasalahan berkaitan keluarga, keselamatan dan kesihatan.

Datin Dayang Hajah Siti Hajar turut menjelaskan bahawa penyertaan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), termasuk BASMIDA dan Brunei Cancer Support Group, dalam pameran berkenaan dihasratkan dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kaum ibu mengenai permasalahan sosial serta penyakit yang perlu dicegah, di samping memberikan pendedahan mengenai langkah-langkah untuk menanganinya.

Yang Teramat Mulia seterusnya menyempurnakan perasmian pameran berkenaan, diikuti dengan pengurniaan hadiah kepada para pemenang pertandingan serta cenderamata penghargaan kepada para peserta pameran.

Bacaan Doa Selamat disempurnakan oleh Pengiran Norhayati sebelum YTM dijunjung berangkat bagi menyaksikan pameran berkenaan.

Pameran anjuran Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Perayaan dan dikelolakan oleh Persatuan Pertiwi Brunei Darussalam itu merangkumi tiga bahagian utama, iaitu Bahagian Pertandingan, Bahagian Pameran serta Bahagian Demonstrasi dan Jualan Promosi.

Penyertaan melibatkan sektor swasta, Badan-badan NGO dan individu perseorangan, termasuk golongan belia dan warga emas, serta masyarakat di peringkat akar umbi melalui penyertaan Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung.

Penganjuran pameran yang mengetengahkan pelbagai demonstrasi dan jualan promosi itu dihasratkan dapat membuka peluang ekonomi kepada kaum ibu, sama ada suri rumah mahupun wanita yang bekerja di luar rumah.

Jualan produk yang dipamerkan turut menonjolkan kepelbagaian hasil dan produk yang berpotensi menjana aktiviti ekonomi, meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Selain itu, demonstrasi yang diadakan memberikan peluang kepada para peserta untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan para pengunjung. Kaum wanita juga berpeluang mengetengahkan kemahiran masing-masing menerusi beberapa pertandingan kraf tangan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan merasmikan pameran berkenaan.








YANG Teramat Mulia dijunjung berangkat bagi menyaksikan pameran berkenaan (atas kiri dan atas tengah), manakala gambar kanan, sembah alu-aluan Yang Dipertua Persatuan Pertiwi, Datin Dayang Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi Bersama Majlis.

LAWATAN MENGUKUHKAN LAGI HUBUNGAN KERJASAMA NBD, REPUBLIK SINGAPURA

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong di Pejabat Perdana Menteri dan mengadakan perjumpaan dengan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam di Istana Villa (kiri sekali dan kiri).

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 23 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong di Pejabat Perdana Menteri, hari ini.

Semasa lawatan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menandatangani buku tetamu dan kedua-dua pihak menekankan persahabatan erat di antara kedua-dua negara melalui pertukaran lawatan aktif serta kerjasama yang sangat baik dalam pelbagai bidang strategik.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan mengadakan perjumpaan dengan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam di Istana Villa.

DYTM dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura menyambut baik hubungan mesra dan kekeluargaan di antara rakyat kedua-dua negara serta menekankan kepentingan untuk terus memupuk ikatan ini demi generasi akan datang.

Lawatan Rasmi pertama DYTM ke Republik Singapura dalam kapasiti sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menandakan pencapaian penting dalam hubungan dua hala.

Perjumpaan-perjumpaan yang bermakna sepanjang lawatan berkenaan mengeratkan lagi semangat setia kawan serta memberikan momentum positif dalam mengukuhkan lagi hubungan kerjasama pada masa yang akan datang.

Atur cara tersebut menandakan hari terakhir Lawatan Pengenalan DYTM ke Republik Singapura dari 21 hingga 23 Oktober 2026.

Berkenan melawat Pangkalan Udara Sembawang





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Pangkalan Udara Sembawang (kiri dan kanan).

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 23 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Pangkalan Udara Sembawang pada sebelah pagi, hari ini, yang dihoskan oleh Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Islam dan Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Zaqy Mohamad.

Semasa lawatan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menandatangani buku tetamu dan disembahkan taklimat mengenai peranan dan keupayaan Special Operations Task Force.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyertai penerbangan operasi khas dengan menaiki helikopter H225M ke beberapa lokasi. Tahun ini juga menandakan Ulang Tahun Ke-50 Kerjasama Pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura, yang telah diraikan dengan Perbarisan Gabungan di Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei pada 10 Oktober 2026.

Sementara itu, pada sebelah petang, DYTM berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Menteri Luar Negeri Republik Singapura, di Kementerian Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Dr. Vivian Balakrishnan.

Kedua-dua pihak menegaskan semula hubungan istimewa dan unik di antara NBD dan Republik Singapura, menerokai peluang untuk memajukan kerjasama dua hala serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang kepentingan bersama.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyertai penerbangan operasi khas dengan menaiki helikopter H225M (kanan), manakala gambar kanan sekali, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Menteri Luar Negeri Republik Singapura, di Kementerian Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Dr. Vivian Balakrishnan.

PELITA BRUNEI

PERKEMBANGAN SERANTAU, ANTARABANGSA DIBINCANGKAN, TEROKA PELUANG KERJASAMA PELABURAN

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam meneruskan program Lawatan Pengenalan ke Republik Singapura dengan berkenan mengadakan perjumpaan dengan Pengerusi Temasek Holdings, Mr. Teo Chee Hean (kiri dan kanan).

REPUBLIK SINGAPURA, Khamis, 22 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD) pada sebelah petang hari ini meneruskan program Lawatan Pengenalan ke Republik Singapura, dengan berkenan mengadakan perjumpaan dengan Pengerusi Temasek Holdings, Mr. Teo Chee Hean, di pejabat syarikat berkenaan.

Semasa lawatan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen telah disembahkan taklimat mengenai Temasek Holdings, yang diikuti dengan perbincangan mengenai kerjasama pelaburan di antara Agensi Pelaburan Brunei (BIA) dan Temasek pada masa-masa akan datang.

Perjumpaan berkenaan memberi peluang untuk bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa serta meneroka kerjasama dalam bidang pelaburan.

Sesi berkenaan juga mencerminkan komitmen berterusan NBD untuk memperkukuh hubungan dengan Republik Singapura dalam bidang-bidang kepentingan bersama.

Landskap geopolitik serantau, antarabangsa jadi tumpuan perbincangan





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan lawatan ke ISEAS-Yusof Ishak Institute (kiri sekali) dan gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan melawat perpustakaan institut berkenaan.

REPUBLIK SINGAPURA, Khamis, 22 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini berkenan berangkat mengadakan lawatan ke ISEAS-Yusof Ishak Institute dan Temasek Holdings dalam rangka Lawatan Pengenalan ke Republik Singapura dari 21 hingga 23 Oktober 2026.



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkenan mengadakan lawatan ke M.Y World Dawson Preschool yang dihoskan oleh Agensi Pembangunan Awal Kanak-kanak di bawah Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga, Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen pada sebelah pagi berkenan berangkat mengadakan sesi perbincangan bersama para penyelidik dari ISEAS-Yusof Ishak Institute, Lee Kuan Yew School of Public Policy, serta East Asian Institute dan Middle East Institute, National University of Singapore.

Sesi yang dihoskan oleh Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif ISEAS-Yusof Ishak Institute, Tuan Ng Chee Khern, memberi peluang untuk kedua-dua belah pihak bertukar-tukar pandangan mengenai landskap geopolitik serantau dan antarabangsa.

Selepas perbincangan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan melawat perpustakaan institut dan menandatangani buku tetamu.

Sementara itu dalam program berasingan, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkenan mengadakan lawatan ke M.Y World Dawson Preschool. Lawatan berkenaan dihoskan oleh Agensi Pembangunan Awal Kanak-kanak di bawah Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah telah disembahkan taklimat mengenai perkembangan pendidikan awal kanak-kanak.

NBD-REPUBLIK SINGAPURA KEKALKAN HUBUNGAN BERTERASKAN KEPERCAYAAN, SALING MENGHORMATI

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan perjumpaan dengan Menteri Penyelaras Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing (kiri sekali).

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 21 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD) pada sebelah petang hari ini, berkenan berangkat mengadakan perjumpaan dengan Menteri Penyelaras Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing, di SPH Media sempena Lawatan Pengenalan selama tiga hari ke Republik Singapura dari 21 hingga 23 Oktober 2026.

Kedua-dua belah pihak menekankan hubungan pertahanan yang sekian lama terjalin, di mana ulang tahun ke-50 telah diraikan pada tahun ini.

Semasa perjumpaan berkenaan, kedua-dua belah pihak juga mengadakan perbincangan mengenai hubungan kerjasama dua hala serta isu-isu serantau dan antarabangsa.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen seterusnya berkenan berangkat mengadakan perjumpaan dengan Menteri Pembangunan Digital dan Penerangan Republik Singapura, Puan Yang Terutama Josephine Teo, di Kementerian Pembangunan Digital dan Penerangan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat mengadakan perjumpaan dengan Menteri Pembangunan Digital dan Penerangan Republik Singapura, Puan Yang Terutama Josephine Teo, di Kementerian Pembangunan Digital dan Penerangan, Republik Singapura dan seterusnya mendengarkan sembah penerangan (kiri dan atas).

Penerangan.

Duli Yang Teramat Mulia juga disembahkan taklimat oleh National AI Group dan Digital Economy Office mengenai dasar dan pendekatan Republik Singapura dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) ke arah memperkasa ekonomi digital.

Perjumpaan - perjumpaan berkenaan menegaskan semula hubungan istimewa dan unik di antara NBD dan Republik Singapura yang berlandaskan kepercayaan, saling hormat menghormati dan kesefahaman yang sangat baik.

Sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 1 Januari 1984, hubungan kerjasama dua hala terus diperkukuh melalui pertukaran lawatan aktif dan kerjasama yang memberikan manfaat bersama.

Lawatan DYTM memberi peluang untuk memajukan lagi kerjasama di dalam bidang-bidang yang mempunyai kepentingan bersama.

DYTM mulakan Lawatan Pengenalan ke Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 21 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini berkenan berangkat memulakan Lawatan Pengenalan selama tiga hari ke Republik Singapura dari 21 hingga 23 Oktober 2026.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Zahra Mariam Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Duli Yang Teramat Mulia memulakan atur cara pada hari ini dengan berkenan mengadakan perjumpaan dengan Menteri Kemampanan dan Alam Sekitar dan Menteri yang bertanggungjawab bagi Hubungan Perdagangan Republik Singapura, Puan Yang Terutama Grace Fu, di The Treasury.

DYTM juga berkenan berangkat menghadiri Business Roundtable yang disertai oleh wakil-wakil dari Enterprise Singapore dan syarikat-syarikat tempatan untuk bertukar pandangan mengenai amalan-amalan terbaik dalam bidang perniagaan, serta meneroka peluang untuk mengeratkan lagi kerjasama perdagangan di antara NBD dan Republik Singapura.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan perjumpaan dengan Menteri Kemampanan dan Alam Sekitar dan Menteri yang bertanggungjawab bagi Hubungan Perdagangan Republik Singapura, Puan Yang Terutama Grace Fu (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan isteri, Madam Ho Ching, di Restaurant Fiz. Sementara gambar bawah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah berkenan mengadakan lawatan ke Enabling Village di Lengkok Bahru.

Sementara itu, dalam program berasingan, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah berkenan mengadakan lawatan ke Enabling Village di Lengkok Bahru. Lawatan berkenaan memberi peluang untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pendekatan dan komitmen Republik Singapura dalam menggalakkan keterangkuman serta kesejahteraan Orang Kurang Upaya (OKU).

DYTM dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri seterusnya berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan isteri, Madam Ho Ching, di Restaurant Fiz.

Pada Majlis Santap berkenaan, DYTM dan Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong menyambut baik jalinan persahabatan yang erat dan kerjasama yang sangat baik di antara NBD dan Republik Singapura.

TYT Lee Hsien Loong kali terakhir mengadakan lawatan ke NBD adalah bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 pada Julai tahun ini.



PELITA BRUNEI

Hubungan istimewa NBD, Republik Indonesia terus diperkukuhkan





YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi Diplomatik sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-81 Kemerdekaan Republik Indonesia (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah kiri, antara tetamu yang hadir pada majlis yang mengambil tempat di Royal Berkshire Hall, Tarindak d'Polo.

JERUDONG, Rabu, 21 Oktober. - Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) di Negara Brunei Darussalam (NBD), menganjurkan Majlis Resepsi Diplomatik sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-81 Kemerdekaan Republik Indonesia pada malam tadi sebagai manifestasi komitmen untuk memperkukuh hubungan antara Republik Indonesia dan NBD yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Tarindak d'Polo, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Juga hadir ialah para pegawai kerajaan Brunei, ketua-ketua perwakilan, serta rakan-rakan yang berkaitan dengan Kedutaan Besar Republik Indonesia.

Dalam ucapannya, Duta Besar Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah antara lain mengetengahkan penglibatan Republik Indonesia dalam forum-forum antarabangsa, yang dipandu oleh dasar luar negara yang 'bebas dan aktif', serta disokong oleh daya tahan ekonomi nasional dan dasar perindustrian yang adaptif.

Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Indonesia ke NBD turut menekankan kepentingan hubungan dua hala antara Republik Indonesia dan NBD, khususnya dalam bidang politik dan ekonomi, termasuk sektor kesihatan, tenaga dan pelancongan, selain kerjasama dalam bidang sosiobudaya dan pertahanan.



Oleh : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan
Foto : Pg Nur Hafilah Pg Osman, Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

Tuan Yang Terutama juga menyatakan keyakinan bahawa perkongsian ini dapat diperkukuh lagi melalui kerjasama yang lebih konkrit demi kemajuan kedua-dua negara.

Majlis turut diisikan dengan penyampaian anugerah kepada enam orang ahli diaspora Republik Indonesia di NBD sebagai pengiktirafan terhadap dedikasi dan sumbangan mereka selama ini.

Para penerimanya termasuk dalam bidang Seni dan Budaya, Ismaya bin H. Sukardi; manakala dalam bidang Perniagaan dan Perdagangan, dianugerahkan kepada Mijanti D. Rahardja, Acep Prasojo, dan Agus Dida Gustiawan; serta dalam bidang Pendidikan, Penyelidikan, Sains, dan Teknologi, diberikan kepada Prof. Dr. Yulfian Aminanda dan Prof. Dr. Muhammad Nabil Almunawar.

Majlis tersebut turut mempamerkan kekayaan budaya Republik Indonesia melalui muzik dan tarian tradisional, serta pelbagai hidangan dari seluruh kepulauan itu.

KOMITMEN BERTERUSAN NBD MEMBANTERAS JENAYAH RENTAS SEMPADAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) hadir mengetuai delegasi NBD pada Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Kali Ke-20 di Makati City, Republik Filipina baru-baru ini.

MAKATI CITY, REPUBLIK FILIPINA, Rabu, 21 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (ASEAN Ministerial Meeting on Transnational Crime - AMMTC) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Kali Ke-20 yang berlangsung di Makati City, Republik Filipina pada 19 hingga 21 Oktober 2026.

Majlis Pembukaan Mesyuarat AMMTC Kali Ke-20 dirasmikan oleh Secretary of the Department of the Interior and Local Government, Republik Filipina selaku Ketua AMMTC - Republik Filipina,
Tuan Yang Terutama Juanito Victor C. Remulla Jr. pada 20 Oktober 2026.

Delegasi NBD diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu dengan disertai oleh Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad selaku Ketua Senior Officials' Meeting on Transnational Crime (SOMTC) NBD, serta pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Mesyuarat AMMTC dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan merupakan sebuah platform tahunan yang signifikan bagi Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab dalam hal ehwal jenayah rentas sempadan untuk membincangkan trend semasa aktiviti jenayah serta situasi keselamatan serantau.

Mesyuarat ini didahului oleh Mesyuarat Persediaan SOMTC (Preparatory SOMTC) bagi AMMTC Kali Ke-20 yang diadakan pada 19 Oktober 2026.

Dalam ucapannya di Sidang Plenari AMMTC Kali Ke-20 pada 20 Oktober 2026, Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang) menegaskan komitmen berterusan NBD dalam menangani jenayah rentas sempadan, khususnya pemerdagangan orang (Trafficking in Persons - TIP), pengganasan dan ekstremisme ganas, pengubahan wang haram dan penipuan dalam talian, serta pengedaran dadah haram.

Yang Berhormat turut mengongsikan pencapaian signifikan NBD yang telah dinaiktaraf kepada Tahap 2 (Tier 2) daripada Senarai Pemerhatian Tahap 2 (Tier 2 Watch List) dalam Laporan Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat Tahun 2026, sekali gus mencatatkan peningkatan bagi dua tahun berturut-turut, dan menyatakan keyakinan bahawa perkongsian amalan terbaik oleh Republik Filipina selaku SOMTC Lead Shepherd bagi TIP dan Negara-negara Anggota ASEAN turut menyumbang kepada kemajuan tersebut.

Menurut Yang Berhormat, pencapaian ini bukan sebagai titik akhir, tetapi sebagai dorongan untuk melakukan lebih banyak usaha.

Yang Berhormat juga menegaskan bahawa ancaman pengganasan tidak lagi bersifat konvensional, dengan kebimbangan utama kini tertumpu kepada pelaku tunggal (*lone actor*), khususnya golongan belia yang terdedah kepada radikalisasi kendiri dalam talian.

Mengenai pembersihan wang haram, Yang Berhormat menjelaskan bahawa hasil penipuan dalam talian dipindahkan ke luar negara dengan lebih pantas daripada siasatan yang dijalankan maka rentas sempadan yang lebih pantas bagi penyiasatan.

Mengenai isu dadah, Yang Berhormat menyuarakan kebimbangan terhadap cubaan sindiket untuk mengeksploitasi NBD sebagai negara transit, serta menegaskan pendirian tegas negara dan tidak berkompromi terhadap kanabis, memandangkan trend normalisasinya di sesetengah negara boleh menimbulkan tanggapan salah dalam kalangan generasi muda bahawa kanabis tidak berbahaya, sedangkan hakikatnya ia membawa risiko serius terhadap kesihatan dan kesejahteraan.

Mengakhiri ucapan, Yang Berhormat menyatakan sokongan NBD terhadap Kenyataan Bersama Mesyuarat serta komitmen untuk terus bekerjasama rapat dengan Negara-negara Anggota ASEAN ke arah rantau yang lebih selamat dan terjamin.

Seterusnya pada 21 Oktober 2026, AMMTC juga telah mengadakan konsultasi dengan Negara-Negara Rakan Dialog ASEAN iaitu konsultasi AMMTC + 3 Kali Ke-16; AMMTC + China Kali Ke-13; AMMTC + Jepun Kali Ke-11 dan AMMTC + Republik Korea Kali Ke-7.

Dalam sesi-sesi konsultasi berkenaan, Yang Berhormat telah menyuarakan komitmen NBD untuk terus memperkukuh kerjasama dengan Negara-negara Rakan Dialog ASEAN, serta merakamkan penghargaan atas sokongan yang dihulurkan dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan.

Semasa berada di Republik Filipina, Yang Berhormat juga mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri Dalam Negeri, Malaysia selaku Ketua AMMTC - Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail dan Tuan Yang Terutama Juanito Victor C. Remulla Jr.

Pertemuan-pertemuan tersebut membincangkan usaha memperkukuh kerjasama dua hala dalam menangani penipuan dalam talian, pemerdagangan orang, pengedaran dadah serta jenayah rentas sempadan yang lain.

Mesyuarat AMMTC Kali Ke-20 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Juanito Victor C. Remulla Jr. dan disertai oleh menteri-menteri, ketua-ketua delegasi dan pegawai-pegawai kanan dari Negara-Negara Anggota ASEAN.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Agung ASEAN, Puan Yang Terutama Dato' Astanah Abdul Aziz.

PENYELARASAN KUKUH, AKAUNTABILITI BERSAMA ASAS KEMAJUAN NEGARA

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menekankan demikian dalam ucaptama pada Majlis Perasmian Persidangan Kepimpinan 2026 di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri seterusnya menjelaskan, perkara itu dizahirkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa Mesyuarat Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Kali Ke-92 yang berlangsung pada 15 Jun 2026, yang mana baginda menekankan kepentingan Whole Of Government Approach, dengan mengingatkan bahawa tiada institusi yang boleh beroperasi secara terasing, dan kemajuan yang bermakna hanya dapat dicapai melalui penyelarasan yang kukuh, akauntabiliti bersama, serta matlamat yang dikongsi bersama.

"Pendekatan sedemikian memerlukan kepimpinan yang mampu menyatukan rakyat, memacu pelaksanaan, dan menyesuaikan diri dengan perubahan. Oleh itu, ukuran kejayaan yang sebenar bukan sekadar terletak pada pelan, strategi, atau pelan induk yang kita bangunkan, tetapi pada keupayaan kita menterjemahkan visi kepada hasil yang nyata. Ia juga bergantung pada keupayaan kita melaksanakan pelan-pelan tersebut dengan disiplin, integriti, dan hala tuju yang jelas. Kepimpinan bukan sekadar kuasa untuk membuat keputusan. Ia merupakan tanggungjawab untuk membuahkan hasil, kerendahan hati untuk mendengar, serta keberanian untuk kekal bertanggungjawab (*accountable*)," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, hal tersebut juga selari dengan aspirasi yang digariskan dalam Financial Sector Blueprint 2026-2035. Pelan Induk ini katanya, bukan sekadar peta hala tuju strategik bagi sektor kewangan; ia mencerminkan komitmen untuk mentransformasikan ekosistem kewangan kita menjadi satu ekosistem yang lebih progresif, inovatif, berdaya tahan, dan bersedia untuk masa hadapan.

Malahan, untuk mencapai transformasi ini tegas Yang Berhormat lagi, memerlukan lebih daripada sekadar dasar, program, dan inisiatif. Ia menuntut perubahan menyeluruh dari segi minda, keupayaan, dan kepimpinan merentasi pelbagai institusi, baik dalam sektor awam mahupun swasta.

Yang Berhormat menyatakan, salah satu ciri kepimpinan yang unggul ialah kesediaan untuk melabur dalam generasi akan datang, mewujudkan peluang untuk pertumbuhan, memperkasakan bakat masa depan, serta memupuk budaya yang berteraskan pembelajaran, integriti, dan kecemerlangan.

Dalam hal ini, BILIF tambah Yang Berhormat, memainkan peranan penting dalam memperkukuh pembangunan bakat, memupuk kerjasama yang lebih erat, serta melahirkan pemimpin masa depan.

Sejak tahun 2016, seramai 400 peserta telah berjaya menamatkan program kepimpinan anjuran BILIF,



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa menyampaikan ucaptama.

seperti Young Executive Leadership Programme (YELP), Senior Executive Accelerated Leadership Programme (SEAL), Young Professionals Programme (Y-PRO), dan Leadership in Islamic Finance and Economics (LIFE).

Melalui program-program utama ini, BILIF ujar Yang Berhormat, terus melahirkan pemimpin yang dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan, dan minda yang diperlukan untuk mengharungi ketidakpastian, memimpin dengan hala tuju yang jelas, serta memacu transformasi yang bermakna. Lebih penting lagi, program-program ini membantu membina barisan pemimpin yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan berterusan dan daya tahan organisasi mereka, industri, serta negara secara keseluruhannya.

Oleh itu, Yang Berhormat berasa gembira melihat Persidangan Kepimpinan hari ini berkembang menjadi platform yang berharga untuk dialog yang bermakna. Selain perkongsian ilmu, ia menjadi ruang untuk mengukuhkan kerjasama, meluaskan perspektif, dan membentuk komuniti pemimpin yang disatukan oleh komitmen bersama terhadap kecemerlangan, inovasi, dan pembangunan negara.

Usaha mempelbagaikan ekonomi giat dilaksanakan

Oleh : Nooratini Haji Abas

GADONG, Rabu, 21 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali daripada perubahan global. Sepanjang dekad yang lalu, NBD telah menunjukkan daya tahan dan keupayaan menyesuaikan diri dalam menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar.

Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata, seiring dengan usaha mempelbagaikan ekonomi yang semakin giat dilaksanakan, sektor bukan minyak dan gas jelas Yang Berhormat, mencatatkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 2.7 peratus antara tahun 2016 hingga 2025.

Sektor kewangan pula terus diperkukuh, dengan jumlah aset sistem kewangan mencecah kira-kira BND27.4 bilion pada suku kedua tahun 2026. Pembiayaan perniagaan oleh bank meningkat kepada BND6.2 bilion pada separuh pertama tahun 2026, iaitu dua kali ganda berbanding paras yang dicatatkan sedekad sebelumnya.

Menurut Yang Berhormat, pertumbuhan ini tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya hasil daripada pilihan yang dibuat secara terancang, dasar-dasar yang berpandangan jauh, serta kepimpinan strategik yang menerima perubahan, inovasi, dan peluang-peluang baharu demi mencapai pembangunan negara jangka panjang.

Berucap semasa menyampaikan ucaptama pada Majlis Perasmian Persidangan Kepimpinan 2026 di Hotel Antarabangsa Rizqun, Yang Berhormat menyatakan acara tersebut menghimpunkan para pemimpin, golongan profesional, dan pengamal untuk meneroka topik yang menjadi teras kepada kejayaan sesebuah organisasi iaitu kepimpinan yang mencetuskan transformasi serta memberikan impak yang berkekalan.

"Memandangkan kita kini berada dalam persekitaran yang dicirikan oleh perubahan teknologi yang pesat, dinamik ekonomi yang berubah-ubah, serta jangkaan masyarakat yang kian berkembang, tuntutan terhadap para pemimpin menjadi semakin mencabar berbanding sebelum ini.

"Situasi ini menuntut pemimpin yang mampu menerima perubahan, menyemai keyakinan, memupuk inovasi, serta memandu organisasi mereka mengharungi kerumitan dengan hala tuju yang jelas dan bermakna. Dalam landskap sebegini, keupayaan untuk menyesuaikan diri dan melakukan transformasi bukan lagi sekadar kelebihan daya saing, malah merupakan satu keperluan mutlak bagi mencapai kejayaan yang berterusan," ujar Yang berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, berlatarbelakangkan senario itu, tema persidangan tahun ini, iaitu 'Metamorphosis', adalah sangat tepat pada masanya dan cukup bermakna. Istilah ini, yang berkait rapat dengan transformasi, mengajak kita untuk merenung satu persoalan penting dalam memandangkan dunia di sekeliling kita berubah dengan begitu pantas, di samping, bagaimanakah kepimpinan harus berevolusi dan memperbaharui diri agar kekal berkesan serta memberi impak?

'Metamorphosis' juga tambah Yang Berhormat, membawa maksud yang lebih mendalam daripada sekadar penyesuaian diri. Ia terangnya, melambangkan transformasi asas dalam cara kita berfikir, memimpin, dan mencipta nilai. Ia menuntut keberanian untuk melangkah keluar daripada zon selesa; kebijaksanaan untuk menyedari apabila pendekatan sedia ada tidak lagi memadai; serta keyakinan teguh untuk membentuk masa depan yang lebih baik.

Oleh itu, pemimpin yang paling berkesan tegas Yang Berhormat lagi, bukanlah mereka yang sekadar mengekalkan keadaan sedia ada, sebaliknya mereka yang mampu membayangkan potensi masa depan dan menginspirasikan orang lain untuk bersama-sama mewujudkannya.

"Mereka membina pasukan yang berkebolehan, memperkasakan generasi akan datang, serta menyatukan warga organisasi demi satu tujuan yang lebih besar daripada kepentingan peribadi. Dengan berbuat demikian, mereka memastikan bahawa kemajuan tidak bergantung kepada mana-mana individu semata-mata, sebaliknya menjadi sebahagian daripada kekuatan dan kelangsungan organisasi itu sendiri," terang Yang Berhormat.

LeadCon 2026 tekankan kepimpinan strategik, transformasi organisasi



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB hadir selaku tetamu kehormat pada LeadCon 2026 di Hotel Antarabangsa Rizqun. Turut hadir ialah Yang Mulia Pemangku Menteri Kewangan II.

GADONG, Rabu, 21 Oktober. - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), dengan sokongan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan kerjasama rakan strategik, University of Cyberjaya, menganjurkan Persidangan Kepimpinan 2026 (Leadership Conference - LeadCon, 2026) bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Dengan tema 'Metamorphosis', persidangan ini menyediakan platform kepada para pemimpin dan eksekutif di pelbagai peringkat untuk meneliti perubahan tuntutan kepimpinan dalam persekitaran yang semakin kompleks dan pesat berubah.

Persidangan ini mengetengahkan peranan penting transformasi strategik, amanah kepimpinan dan akauntabiliti dalam membentuk kepimpinan yang berdaya tahan, berwibawa dan berkesan. Pada masa yang sama, penekanan turut diberikan terhadap kesinambungan kepimpinan, perancangan penggantian dan kesiapsiagaan organisasi bagi memastikan kemampanan serta kejayaan jangka panjang.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB.

Turut hadir ialah Pemangku Menteri Kewangan II, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BILIF, Afero Eswandy Mohamad, yang menekankan keperluan kepimpinan untuk terus berkembang seiring dengan persekitaran operasi yang semakin kompleks dan dinamik.

Beliau menjelaskan bahawa transformasi yang bermakna memerlukan para pemimpin untuk menerima perubahan dengan terus berpegang teguh pada integriti, akauntabiliti dan matlamat yang jelas.

Oleh itu, beliau menegaskan bahawa peranan penting kepimpinan dalam memberikan hala tuju strategik, membina kepercayaan serta mengharungi cabaran dan ketidakpastian organisasi.

Majlis diteruskan dengan ucaptama oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, yang mengetengahkan peranan penting kepimpinan dalam memacu kemajuan organisasi dan negara.

>> Muka 19

PELITA BRUNEI

KERJASAMA STRATEGIK PERKUKUH AKSES PEMILIKAN RUMAH BAGI RAKYAT

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman





YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri merangkap Pengerusi BIBD, serta Yang Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Pameran Rumah Impian Mampu Milik (kiri). Manakala gambar atas, MoU ditandatangani oleh Ketua Kumpulan Perbankan Runcit BIBD, Awang Junaidi bin Bahrum dan Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Alwi bin Haji Md. Yussof.

>> Muka 1

Kerjasama berkenaan bertujuan untuk meneroka inisiatif baharu dan inovatif yang dapat menjadikan pemilikan rumah lebih mudah dicapai, di samping memenuhi keperluan perumahan yang sentiasa berubah serta menyokong individu dan keluarga pada pelbagai peringkat perjalanan pemilikan rumah mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan berkenaan, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, merangkap Pengerusi BIBD, serta Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Ketua Kumpulan Perbankan Runcit BIBD, Awang Junaidi bin Bahrum; dan Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Alwi bin Haji Md. Yussof.

Penandatanganan disaksikan oleh Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah; serta Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Dr. Chin Wei Keh.

Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dalam ucapannya berkata, penyediaan perumahan yang selesa, selamat, berkualiti dan mampu milik melalui Skim Perumahan Negara (SPN) kekal menjadi keutamaan berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memelihara kesejahteraan rakyat yang telah memberi manfaat kepada puluhan ribu keluarga.

Jelas Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan, setakat ini, sejumlah 31,145 unit rumah telah siap dibina sejak SPN bermula dari 1984. Namun, dari tahun ke tahun, pemohon SPN sentiasa meningkat.

Bagi menangani peningkatan permohonan SPN dan menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 kata Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan lagi, strategi pembangunan kini diperkukuh melalui mengoptimakan ketersediaan tapak serta kepelbagaian kaedah penyediaan dan model pembiayaan.

"Komitmen holistik (*housing-for-our-people*) yang diperkasakan menerusi sinergi strategik bersama institusi kewangan dan sektor swasta ini bertujuan memastikan peruntukan kerajaan dimanfaatkan secara optima, demi mencapai sasaran 85 peratus kadar pemilikan rumah menjelang tahun 2035.

"Kerjasama strategik ini menyaksikan pengenalan dua program baharu di bawah Rumah Impian Mampu Milik, iaitu Program Pembiayaan Penjawat Awam dan Program Rumah Impian.

"Inisiatif ini komited dalam memperluas pilihan pemilikan rumah yang lebih inklusif dan fleksibel buat pemohon SPN dengan pinjaman perbankan yang menarik, bersesuaian dengan kelayakan serta kemampuan kewangan masing-masing," kata Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan lagi.

Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan seterusnya menjelaskan, Program Pembiayaan Penjawat Awam membolehkan kakitangan kerajaan memiliki rumah pilihan mereka yang ditawarkan secara pasaran terbuka, berstatus pegangan kekal atau pajakan.

Manakala tambah Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan lagi, Program Rumah Impian pula menawarkan perumahan mampu milik di atas tanah kerajaan dengan penyediaan infrastruktur bagi memastikan harga jualan yang lebih berpatutan untuk golongan sasaran.

Bagi menjayakan kedua-dua program berkenaan, Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan berkata, BIBD bertindak sebagai penyedia kemudahan pembiayaan, manakala penglibatan pemaju tempatan bertujuan memacu industri pembinaan dan pada masa yang sama menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan seterusnya menambah, Pameran Rumah Impian Mampu Milik bertujuan memperkenalkan kedua-dua program perumahan kepada orang ramai khususnya pemohon SPN melalui penerangan terperinci mengenai jenis rumah, reka bentuk rumah, syarat kelayakan dan kemudahan pembiayaan bagi membantu pemilihan rumah yang bersesuaian mengikut keperluan dan kemampuan kewangan masing-masing.

Selain itu, terang Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan lagi, pameran berkenaan menekankan kepentingan komitmen dan kerjasama strategik pelbagai pihak bagi mewujudkan lebih banyak peluang perumahan yang mampu milik dan mampan untuk rakyat.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD berkata, kerjasama berkenaan menggabungkan kekuatan, kepakaran dan sumber kedua-dua organisasi yang membolehkan penyelesaian perumahan dan pembiayaan diselaraskan dengan lebih baik bagi memberikan manfaat lebih besar kepada orang ramai.

Beliau menjelaskan, kerjasama berkenaan turut mencerminkan Pendekatan Seluruh Negara (Whole of Nation Approach) yang menggalakkan agensi kerajaan, institusi kewangan dan pihak berkepentingan bekerjasama ke arah matlamat bersama dalam menyumbang kepada kesejahteraan sosial jangka panjang dan pembangunan negara demi manfaat generasi akan datang.

Bagi BIBD, kerjasama berkenaan memperkukuh komitmen bank untuk menyokong keutamaan negara melalui perkongsian strategik yang mewujudkan nilai jangka panjang kepada rakyat Negara Brunei Darussalam.

Kedua-dua organisasi berharap kerjasama berkenaan dapat membuka lebih banyak peluang kepada bakal pemilik rumah, meningkatkan kesejahteraan keluarga dan menyokong pembangunan negara yang lebih inklusif dan mampan.

Memperkukuh kerjasama kewangan, ekonomi serantau

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan

HONG KONG, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 22 Oktober. - Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah menghadiri Mesyuarat APEC Finance Ministers' Meeting (FMM) 2026 yang berlangsung pada 20 hingga 21 Oktober 2026 di Hong Kong SAR, People's Republic of China (PRC).

Mesyuarat APEC FMM tersebut telah dipengerusikan oleh Menteri Kewangan, PRC, Tuan Yang Terutama Lan Fo'an dan dihadiri oleh Menteri-menteri Kewangan serta wakil-wakil daripada Ekonomi-ekonomi APEC.

Selaras dengan tema APEC 2026 iaitu 'Building an Asia-Pacific Community to Prosper Together', dan berpandukan keutamaan APEC 2026, iaitu 'Openness, Innovation, Cooperation', mesyuarat tersebut telah menegaskan semula komitmen untuk membina komuniti Asia - Pasifik yang terbuka, dinamik, berdaya tahan dan aman menjelang tahun 2040 demi kemakmuran rakyat serta generasi yang akan datang.

Yang Berhormat menekankan kepentingan pembentukan dasar-dasar yang disesuaikan dengan kepelbagaian struktur ekonomi dan cabaran pertumbuhan jangka panjang dalam kalangan ekonomi APEC.

Yang Berhormat turut menggariskan tiga bidang keutamaan iaitu memperkukuh integrasi serantau dan daya tahan ekonomi; memelihara kestabilan makroekonomi dan kemampanan fiskal serta memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan produktiviti dan menggalakkan pertumbuhan yang inklusif.

Mesyuarat turut menerima pakai kenyataan-kenyataan iaitu '2026 APEC Finance Ministers' Joint Statement' dan 'Policy Statement on Digital Infrastructure Financing Across the Asia - Pacific Region', sebagai panduan bagi memperkukuh kerjasama kewangan dan ekonomi serantau pada masa hadapan.

Di luar persidangan, Yang Berhormat mengadakan perbincangan dua hala bersama Tuan Yang Terutama Lan Fo'an bagi membincangkan usaha memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang kewangan dan pelaburan, termasuk teknologi digital dan AI, perkembangan pasaran kewangan Hong Kong SAR serta peluang pelaburan di PRC bagi NBD.

NBD dan PRC turut menegaskan semula komitmen kedua-dua ekonomi untuk bekerjasama dengan semua ekonomi APEC dalam mendukung multilateralisme, memperkukuh penyelarasan dasar makroekonomi serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mampan di rantau Asia - Pasifik.

Perbincangan dua hala yang berasingan turut diadakan bersama Menteri Pengangkutan dan Menteri Kewangan Kedua, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Jeffrey Siow, bagi membincangkan usaha memperkukuh kerjasama kewangan, pelaburan, perkembangan makroekonomi serantau, kemampanan fiskal serta integrasi kewangan digital.

Yang Berhormat turut mengadakan pertemuan bersama Presiden Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB), Puan Yang Terutama Zou Jiayi, Ketua Eksekutif Hong Kong Monetary Authority (HKMA); Setiausaha Perdagangan dan Pembangunan Ekonomi Hong Kong; Setiausaha Perkhidmatan Kewangan dan Perbendaharaan Hong Kong (FSTB) serta Ketua Pegawai Eksekutif Hong Kong Investment Corporation Limited (HKIC).

Perbincangan tertumpu kepada peluang untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang kewangan, pelaburan dan pembangunan sektor swasta, termasuk teknologi digital dan AI.

Secara berasingan, Yang Berhormat turut menyampaikan ucaptama pada sesi dialog santai semasa Majlis Luncheon Fireside Chat yang dianjurkan bersama oleh Hong Kong - ASEAN Foundation dan Konsulat NBD di Hong Kong SAR pada 22 Oktober 2026.



YANG Berhormat Menteri Kewangan II telah menghadiri Mesyuarat APEC FMM 2026 di Hong Kong SAR, People's Republic of China baru-baru ini.

Majlis tersebut menghimpunkan pegawai -pegawai kerajaan, wakil-wakil diplomatik, pemimpin-pemimpin perniagaan, ahli-ahli akademik serta wakil-wakil media bagi membincangkan prospek kewangan NBD dan ASEAN, perkembangan strategi pelaburan dalam era AI serta peluang kerjasama rentas sempadan.

YSHHB TERUS PERKASA KESEJAHTERAAN RAKYAT MENERUSI PELBAGAI SUMBANGAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hadir pada majlis penyampaian sumbangan tersebut. Turut hadir ialah Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ialah sebagai wadah amal jariah dan derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat baginda, sebagai tanda pemedulian dan kasih sayang baginda terhadap rakyat serta ke arah pembentukan masyarakat Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Sehubungan itu, YSHHB hari ini menyampaikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND147,861.

Majlis penyampaian sumbangan berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di sini.

Kesemua sumbangan disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Dalam usaha mendukung pembangunan belia, pendidikan dan kesejahteraan masyarakat, YSHHB turut memberikan sokongan dan menggalakkan penglibatan aktif golongan belia dalam aktiviti pembangunan diri dan kepimpinan.

Terdahulu, YSHHB menyampaikan sumbangan tajaan bagi Pembangunan Belia yang keseluruhan berjumlah BND11,300 kepada tiga pihak berikut, iaitu Pemangku Penolong Pengarah (Institut Pengajian), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Awang Haji Mohammad Ahsanul Azmi bin Haji Sarbini, sebagai agensi menerima Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal di bawah kelolaan JPI.

Tajaan pencetakan 100 naskhah buku sempena Sambutan Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal iaitu sebagai tanda kesyukuran atas perkembangan dan pencapaian pendidikan ugama formal sepanjang tujuh dekad, di samping menghargai jasa para pendidik, pemimpin dan pihak-pihak yang telah menyumbang kepada pemerkasaannya. Percetakan buku berkenaan dikendalikan oleh JPI, KHEU.

Seterusnya kepada Pegawai Pendidikan, Pusat Keusahawanan Inovasi, Kementerian Pendidikan, Dayangku Dianawati binti Pengiran Haji Patra, sebagai agensi menerima bagi Pusat Keusahawanan Inovasi, Kementerian Pendidikan, bagi tajaan Hadiah Pertandingan Celik-Biz (pelajar Sekolah Rendah) Kali ke-8 dan Big Start (pelajar Sekolah Menengah) Kali Ke-13, iaitu sebagai sokongan bagi memupuk minat dan kemahiran keusahawanan serta menyemai budaya inovasi dalam kalangan pelajar.

Penganjuran kedua-dua pertandingan ini memberi ruang kepada pelajar untuk mengembangkan kreativiti, meneroka idea baharu dan menghubungkan pembelajaran dengan keperluan kehidupan sebenar.

Sementara itu, penerima ketiga ialah Pengiran Fatin Nur'masayuni Safwana binti Pengiran Roslan, Pengerusi Konvensyen Pemimpin Muda, sebagai agensi menerima bagi Ar-Razaq Kifayah Management, penganjur YLC 2026.

Tajaan ini adalah bagi Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2026, di mana konvensyen ini menghimpunkan golongan belia dan pemimpin muda bersama pihak berkepentingan daripada sektor kerajaan swasta serta masyarakat.

Konvensyen berkenaan menggalakkan peserta meneliti peluang dan cabaran pembangunan negara, di samping menterjemahkan idea kepada inisiatif, program serta kerjasama yang memberikan manfaat kepada masyarakat.

Selaras dengan salah satu matlamat strategik YSHHB, iaitu Mendukung Pencapaian Taraf Sara Diri, YSHHB turut mendukung usaha kerajaan meningkatkan tahap sara diri golongan yang memerlukan bantuan melalui program keusahawanan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan.

Skim Pembiayaan Kebajikan merupakan bantuan pengupayaan diri khusus bagi golongan sasar yang memerlukan iaitu berupa pemberian bantuan modal bagi menjalankan perusahaan berserta beberapa program dan kursus kemahiran yang bersesuaian.

Bentuk bantuan modal yang diberikan adalah mengikut kriteria dan kesesuaian pemohon seperti kewangan, material, latihan dan pemantauan.

Sehubungan itu, seramai 19 orang bakal 'Usahawan Bakarih YSHHB' menerima bantuan modal keusahawanan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan yang keseluruhannya berjumlah BND36,600, bagi membolehkan mereka menjalankan serta mengembangkan perusahaan yang telah dirancang.

Para penerima terdiri daripada Awang Muhammad Faiz bin Metali dari Syarikat Wiiiq.G yang mengendalikan perkhidmatan bersih kawasan; Awang Abdul Qawi bin Muhammad Fadhli dari Q'alanna Enterprise bagi perniagaan makanan dan minuman; Awang Saharin bin Mohammad dari Syarikat Sarifudin yang mengendalikan perniagaan pertukangan kayu; Awang Abdul Qahar bin Kamalludin dari Artispark Group yang mengendalikan perkhidmatan gunting rambut; Awang Zulhilmi bin Tahir dari Arrazzaq Insyirah Berjaya Enterprise yang mengendalikan perniagaan makanan dan minuman.

Turut menerima bantuan ialah Awang Nur Misuari bin Sunadi dari Nirawie dan Anak-Anak bagi perniagaan makanan; Dayang Rohani binti Awang Ali dari Syarikat Leeman Berjaya juga bagi perniagaan makanan; serta Dayang Siti Suraiya binti Arsat dari Syarikat Ctzan dan Anak-Anak yang turut mengendalikan perniagaan makanan dan minuman; Dayang Masniah binti Hamdan dari Syarikat Masloni Mini Enterprise bagi perniagaan buah-buahan; Dayang Suria binti Haji Basir dari Ariesya Cook and Bake bagi perniagaan masakan dan kuih-muih.

Penerima seterusnya ialah Dayang Siti Nafeah binti Rudiwan dari Double Jj Rizqi yang mengendalikan perniagaan makanan dan minuman; Dayang Mahal binti Dullah dari Syarikat Mahal dan Anak-Anak bagi perniagaan makanan dan kuih-muih; Dayang Kartini binti Haji Karim dari Canary Couture yang mengendalikan perniagaan pakaian; Dayang Noor Syazwani binti Haji Majin dari Kayns Enterprise bagi perkhidmatan pencetakan dan reka bentuk digital; Dayang Norhidayah binti Haji Osman dari A&A Enterprise bagi perniagaan makanan; Dayang Siti Normanjalina Wati binti Abdul Rahman juga bagi perniagaan makanan; Dayang Zaitun binti Haji Ahal bagi perniagaan jualan *bundle* pakaian; Dayang Jamaliah binti Haji Lawal bagi perniagaan makanan dan minuman; dan Dayang Minah binti Linong juga mengusahakan perniagaan makanan dan minuman.

Sebelum dipertimbangkan untuk menerima modal perusahaan atau perniagaan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan, pada peserta diwajibkan untuk menjalani beberapa program latihan iaitu Program Asas Bakarih yang dirangka khas bagi memberikan kemahiran serta pengetahuan keusahawanan yang dikendalikan oleh YSHHB dengan kerjasama rakan strategik LiveWIRE Brunei.

Sejak Skim Pembiayaan Kebajikan mula dilaksanakan pada tahun 2015, seramai 174 orang Usahawan Bekarih telah berjaya dilahirkan.

Melalui bantuan modal, latihan dan pemantauan, mereka telah berjaya mengusahakan beberapa jenis perusahaan seperti makanan dan minuman, pertanian, perkhidmatan cuci kereta dan bengkel kereta, pembuatan perabot dan kraftangan dan sebagainya.

Kebajikan rakyat terus menjadi keutamaan YSHHB



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan di majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kewangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang diadakan di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, hari ini, pihak YSHHB turut menyalurkan sumbangan kewangan berjumlah BND4,200 bagi membantu membaik pulih (pembinaan struktur tiang konkrit baharu) dewan Balai Ibadat Mukim Saba, susulan kerosakan pada tiang sedia ada yang menimbulkan risiko keselamatan kepada para jemaah.

Sumbangan bertujuan untuk membantu memperkukuh struktur bangunan bagi memastikan balai ibadat berkenaan terus dapat digunakan dalam keadaan yang lebih selamat dan selesa untuk keperluan para jemaah serta masyarakat setempat.

Sumbangan diterima oleh Imam Balai Ibadat Mukim Saba, Awang Sahrin bin Matnor.

Di samping itu, antara tujuan penubuhan YSHHB dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat adalah memberikan pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan termasuk tempat tinggal yang sempurna dan selamat.

Dalam pada itu, YSHHB turut menyampaikan bantuan bagi tujuan membaik pulih rumah Pengiran Mohd. Saiffol Noorfaissal bin Pengiran Md. Salleh di Kampung Setia 'A' berjumlah BND24,611.

Dalam bidang pendidikan pula, YSHHB turut menyalurkan sumbangan berjumlah BND38,100 kepada tiga orang penuntut bagi membantu mereka meneruskan pengajian ke peringkat tinggi iaitu, Awang Muhammad Abdul Qaiyum bin Haji Rabaee; Dayang Nursya'adatul Sya'afiiah binti Haji Ramili; dan Dayang Mas Zuryani binti Muhammad Ruzaini Tang.

Bantuan berbentuk elaun sara hidup bulanan ini dikhususkan kepada penuntut persendirian yang berkelayakan dan tidak menerima pembiayaan atau biasiswa daripada kerajaan, pihak swasta atau badan-badan lain, bagi pengajian di universiti dan institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan di dalam negara.

Selaras dengan dasar penubuhannya, YSHHB terus melaksanakan aktiviti kebajikan khususnya membantu mereka yang sangat memerlukannya, di mana YSHHB telah menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah BND33,050 kepada lapan buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di beberapa buah kampung di seluruh negara.

Sumbangan ini dihasratkan dapat meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan seharian.

Mereka yang terlibat ialah, Awang Harun bin Ibrahim, Kampung Panchor Dulit; Awang Haji Matzain bin Haji Menudin, Kampung Sinarubai; Awang Zufri bin Mohd. Jair, Kampung Lurong Dalam; Awang Junadi bin Haji Jaluddin, Kampung Pengkalan Mau; Awang Muhammad Kamarularifin bin Haji Mohd. Salleh, Kampung Burong Pingai Ayer; Pengiran Hajah Patimah binti Pengiran Haji Tengah, Kampung Delima Satu; Dayang Hajah Hajijah binti Haji Abdul Hamid, Kampung Rataie; dan Dayang Sarimah binti Musa, Kampung Piasau-Piasau.

Kesemua sumbangan ini disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA 40 TAHUN PENUBUHAN JHES

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran Jubli Delima 40 Tahun Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, yang telah diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Genap 40 tahun penubuhannya, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh pentadbiran dan pelaksanaan hal ehwal syariah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sebagai tanda kesyukuran atas perkembangan dan kemajuan yang dicapai sepanjang empat dekad, JHES mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Jubli Delima 40 Tahun Penubuhan pada petang tadi di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, mantan pengarah, pegawai dan kakitangan yang pernah berkhidmat di JHES serta pegawai dan kakitangan jabatan yang masih berkhidmat.

JHES ditubuhkan pada 21 Oktober 1986 susulan penstrukturan semula Jabatan Hal Ehwal Ugama, yang dinaik taraf menjadi KHEU.

Sejak penubuhannya, jabatan berkenaan telah memainkan peranan penting dalam pembangunan institusi syariah serta pengukuhan sistem pentadbiran keugamaan di NBD.

Pengarah pertama JHES, KHEU, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, yang menerajui jabatan berkenaan dari 1986 hingga 1989.

Sepanjang empat dekad, JHES telah melalui pelbagai perkembangan dari segi struktur organisasi, fungsi dan bidang tanggungjawab, selaras dengan keperluan semasa serta perkembangan pentadbiran hal ehwal ugama di negara ini.

Dalam tempoh berkenaan, jabatan terus melaksanakan tanggungjawab berkaitan hal ehwal syariah, di samping menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada masyarakat.

Pada masa ini, fungsi dan tanggungjawab JHES dilaksanakan melalui lima bahagian utama, iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Penguatkuasaan Ugama, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Kawalan Makanan Halal serta Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama.

Setiap bahagian berkenaan melaksanakan pelbagai fungsi yang merangkumi urusan pentadbiran, penguatkuasaan undang-undang syariah, penyediaan khidmat nasihat dan pengukuhan institusi keluarga, kawalan makanan halal, serta perkhidmatan kaunseling dan pemantapan kefahaman agama.

Sambutan Jubli Delima berkenaan merupakan tanda kesyukuran atas pencapaian dan sumbangan jabatan sepanjang 40 tahun penubuhannya. Sambutan berkenaan juga bertujuan menghargai jasa serta khidmat bakti para pegawai dan kakitangan yang telah menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan jabatan sejak ditubuhkan.

Di samping itu, sambutan berkenaan menjadi wadah untuk memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan warga jabatan serta menyemarakkan komitmen untuk terus memberikan perkhidmatan yang berlandaskan nilai-nilai Islam, integriti dan profesionalisme.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, tahlil dan Doa Kesyukuran.

Acara kemudiannya diteruskan dengan pelancaran Pameran Jubli Delima di Bangunan JHES, Bandar Seri Begawan.

Kerjasama serantau, tindakan bersepadu perkukuh sistem kesihatan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan, hadir mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Jawatankuasa Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi Pasifik Barat Kali Ke-77 di Manila, Republik Filipina baru-baru ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Oktober. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Mesyuarat Jawatankuasa Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) bagi Pasifik Barat Kali Ke-77 yang berlangsung pada 19 hingga 22 Oktober 2026 di Manila, Republik Filipina.

Mesyuarat kali ke-77 ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China, Tuan Yang Terutama Zheng Zhe, dan telah menghimpunkan Menteri-Menteri Kesihatan dan para perwakilan dari 38 negara ahli WHO Rantau Pasifik Barat untuk meneliti kemajuan pelaksanaan program WHO, membincangkan cabaran kesihatan serantau serta mempertimbangkan dasar dan inisiatif bagi memperkukuh sistem kesihatan di rantau Pasifik Barat dengan berpandukan visi serantau 'Weaving Health for Families, Communities and Societies in the Western Pacific Region'.

Antara agenda utama mesyuarat termasuk meneliti laporan Pengarah Serantau Pejabat Rantau Pasifik Barat, peruntukan program dan pelaksanaan projek-projek, pemantauan perkembangan isu-isu kesihatan serta projek-projek mengikut keutamaan dan penyelarasan kerja-kerja yang dijalankan di rantau ini.

Di samping itu, mesyuarat turut membincangkan pelbagai isu teknikal termasuk penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) secara bertanggungjawab dalam perkhidmatan kesihatan; usaha mempertingkat pengesanan, rawatan dan kawalan hipertensi; kemajuan program imunisasi termasuk perlindungan sepanjang hayat; serta langkah memperkukuh kawalan tembakau, khususnya dalam menangani penggunaan produk nikotin baharu.

Semasa sesi pembahasan laporan Pengarah Serantau Pejabat Rantau Pasifik Barat, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengalu-alukan kemajuan usaha WHO dalam memperkukuh sistem kesihatan serantau yang lebih berdaya tahan dan mampan.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan menangani cabaran kesihatan semasa, termasuk bencana alam, perubahan cuaca ekstrem, obesiti, kesihatan mental, penyakit tidak berjangkit dan ancaman penyakit berjangkit.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat turut mengongsikan usaha NBD dalam memperkukuh perancangan dan tadbir urus kesihatan melalui pembangunan Pelan Tindakan Bersama Kebangsaan One Health, Pelan Tindakan Multisektoral Kebangsaan bagi Penyakit Tidak Berjangkit dan Kesihatan Mental (BruMAP NCDMH), dan Pelan Strategik Makmal Kebangsaan yang pertama.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan kepentingan sokongan teknikal WHO, kerjasama serantau dan tindakan bersepadu merentas sektor bagi memperkukuh kesiapsiagaan, pencegahan penyakit serta meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat di rantau ini.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyertai Sesi Meja Bulat Peringkat Menteri mengenai potensi kerjasama serantau dalam penyediaan stok simpanan bekalan kesihatan penting dan mekanisme perolehan bersama (Regional Health Essential Stockpile and Pooled Procurement Mechanism).

Dalam sesi tersebut, NBD menyatakan sokongan terhadap usaha meneroka kerjasama serantau bagi memperkukuh akses kepada ubat-ubatan dan produk kesihatan penting melalui mekanisme perolehan bersama dan simpanan stok serantau, khususnya semasa menghadapi gangguan rantaian bekalan global dan kecemasan kesihatan awam.

Semasa perbincangan mengenai rawatan dan kawalan hipertensi, NBD telah menegaskan komitmen untuk memperkukuh usaha pengawalan hipertensi melalui pengesanan awal, penjagaan kesihatan asasi dan pengurusan pesakit yang lebih berkesan dengan penggunaan data kesihatan dan teknologi digital, pengukuhan pemantauan serta tindakan susulan pesakit, di samping mempergiat langkah pencegahan melalui Strategi Kebangsaan Pengurangan Garam 2023-2030.

Satu mesyuarat Informal Working Group on Executive Board Seats Allocation juga telah diadakan dan dipengerusikan oleh NBD bagi meneruskan perbincangan dalam kalangan negara-negara ahli mengenai kaedah pengagihan lima kerusi Lembaga Eksekutif WHO yang diperuntukkan kepada Rantau Pasifik Barat, termasuk dalam mempertimbangkan pendekatan yang lebih saksama, telus dan teratur bagi perwakilan negara-negara ahli di Lembaga Eksekutif WHO.

Di luar mesyuarat utama, Yang Berhormat telah mengadakan pertemuan dua hala dengan calon-calon bagi jawatan Ketua Pengarah WHO. Pertemuan tersebut bertujuan mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai latar belakang, visi, hala tuju serta perancangan strategik setiap calon dalam menerajui WHO pada masa hadapan.

Penyertaan NBD mencerminkan komitmen berterusan negara untuk menyumbang kepada kerjasama kesihatan serantau, memperkukuh sistem kesihatan yang berdaya tahan dan mampan serta meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

NBD-REPUBLIK RAKYAT CHINA METERAI MOU KERJASAMA DALAM BIDANG PENDAKWAAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ihsan Pejabat Peguam Negara, Jeffrey Wong



MOU berkenaan ditandatangani oleh Yang Berhormat Peguam Negara, merangkap Pendakwa Raya; serta Chief Grand Prosecutor and Prosecutor General of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Ying Yong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Pejabat Peguam Negara dan Supreme People's Procuratorate of the People's Republic of China telah mengadakan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang pendakwaan yang berlangsung petang tadi di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

MoU berkenaan telah ditandatangani antara Pejabat Peguam Negara Brunei Darussalam dengan The Supreme People's Procuratorate of the People's Republic of China semasa 16th China-ASEAN Prosecutors-General conference (CAPGC) yang berlangsung pada 21 hingga 22 Oktober 2026.

Pemeteraian berkenaan menandakan satu lagi pencapaian penting dalam hubungan dua hala yang telah lama terjalin erat antara kedua-dua buah negara.

MoU terdahulu telah ditandatangani pada 2002 dan memberi tumpuan kepada kerjasama antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Republik Rakyat China dalam hal ehwal pendakwaan.

MoU baharu berkenaan bertujuan untuk memperkukuh dan memperluas lagi kerjasama yang sedia ada antara perkhidmatan pendakwaan kedua-dua buah negara khususnya dalam meningkatkan keupayaan menangani jenayah bukan tradisional dan jenayah yang didorong oleh teknologi.

Ini termasuk kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan Kecerdasan Buatan (AI), jenayah kewangan seperti penipuan dalam talian, serta kesalahan-kesalahan yang melibatkan mata wang kripto dan aset maya.

MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, merangkap Pendakwa Raya; serta Chief Grand Prosecutor and Prosecutor General of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Ying Yong.

Yang Berhormat Peguam Negara dalam ucapannya, menegaskan bahawa kerjasama antara NBD dengan Republik Rakyat China adalah penting, khususnya dalam perkara yang melibatkan perlindungan kanak-kanak dalam ruang digital dan era digital.

Adalah diharapkan agar MoU berkenaan dapat memperkukuh jalinan kerjasama antara kedua-dua buah negara serta membuka ruang kepada usaha yang lebih giat dalam membanteras jenayah rentas sempadan, memandangkan ancaman jenayah terus berkembang dan melangkaui sempadan negara.

LeadCon 2026 tekankan kepimpinan strategik, transformasi organisasi

>> Muka 15

Selaras dengan tema persidangan, beliau juga menekankan kepentingan membentuk pemimpin yang berpandangan jauh dan berkeupayaan menghadapi cabaran serta merebut peluang yang muncul selain keperluan untuk memperkukuh daya tahan organisasi, membangunkan pemimpin masa hadapan dan memupuk budaya kepercayaan bagi menyokong kemajuan yang mampan dalam jangka panjang.

Persidangan ini menampilkan siri pembentangan dan perbincangan panel yang disampaikan oleh penceramah terkemuka dari dalam dan luar negara, dengan mengetengahkan pandangan mengenai kepimpinan, transformasi strategik, tadbir urus serta pembangunan pemimpin masa hadapan.

Program persidangan merangkumi pembentangan ucaptama bertajuk 'Leading Change in an Age of Uncertainty' oleh Adjunct Associate Professor in Practice, Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore, dan Nominated Member of Parliament, Republik Singapura, Profesor Terence Ho.

Persidangan turut diserikan dengan pembentangan bertajuk 'Lead the Disruption: Why the Future Belongs to Leaders Who Shape Change - Not Those Who Simply Survive It' yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan C-Suite Master Executive Coach, Disruptive Leadership Institute LLC (DLI), New York, Profesor Sattar Bawany, serta pembentangan bertajuk 'Stuck in the Middle: Why Tough Decisions Are Never Black and White' oleh Naib Canselor, University of Cyberjaya, Malaysia, Tan Sri Dato' Dr. R. Palan.

Sementara itu, Afero Eswandy Mohamad seterusnya turut mengendalikan perbincangan panel bertajuk 'The Ethical Compass for Leaders: Governance, Culture and the Responsibilities of Modern Leadership'.

Ahli panel terdiri daripada Profesor Terence Ho; Tan Sri Dato' Dr. R. Palan; dan Pengerusi Manaf Gardner Associates, Datuk Dr. Nora Manaf.

Dalam perbincangan tersebut meneliti bagaimana prinsip etika, tadbir urus yang baik dan budaya organisasi memainkan peranan dalam membentukr kepimpinan yang bertanggungjawab dan berakauntabiliti.

Satu lagi perbincangan panel bertajuk 'Strategic Transformation: Leading with Intention, Direction and Alignment' menampilkan Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei, Pengiran Aki Ismasufian Pengiran Haji Ibrahim; Ketua Pegawai Eksekutif National Digital Payments Network, Hafiz Haslen, dan Head of IT Centre of Expertise, BSP-ISA, Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd, Awang Juswani bin Haji Ahmad Jawawi.

Dikendalikan oleh Pengurus Kanan, BILIF, Dayang Ida Nazrena binti Haji Bujang, sesi tersebut juga membincangkan peranan kejelasan dan penjajaran strategik dalam mengharungi proses transformasi serta memajukan keutamaan organisasi.

Perbincangan panel terakhir bertajuk 'Building Future Leaders: Rethinking Readiness, Depth and Continuity' sekali lagi menampilkan Afero Eswandy Mohamad; Pengarah Eksekutif Sumber Manusia BDCB; Dayang Hajah Rafezah binti Abd. Rahman, dan Ketua Sumber Manusia, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd., Awang Muhammad Hafizuddin Haji Ahmad.

Dikendalikan oleh Pemangku Pengurus, BILIF, Dayangku Ayumi Qistina binti Pengiran Mohd. Yusof, perbincangan itu turut menekankan keperluan untuk memperkukuh barisan pelapis kepimpinan, membangunkan pemimpin masa hadapan yang berkeupayaan serta memastikan kesinambungan kepimpinan dalam organisasi.

BILIF, selaku Centre of Excellence, terus melaksanakan misinya dalam membentuk pemimpin, pakar dan inovator masa hadapan melalui program-program pembelajaran yang imersif serta acara bertaraf dunia.

Untuk maklumat lanjut mengenai BILIF, sila layari laman sesawang BILIF di *www.bilif.com.bn* atau Instagram *@BILIF.bn*.





PELITA BRUNEI

MEMPERKUKUH KERJASAMA MELINDUNGI KANAK-KANAK DARIPADA PENDERAAN, EKSPLOITASI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Peguam Negara dan Pendakwa Raya hadir pada Sesi Pleno China - ASEAN Prosecutors General Conference (CAPGC) Ke-16.

JERUDONG, Khamis, 22 Oktober. - Sesi Pleno China - ASEAN Prosecutors General Conference (CAPGC) Ke-16, dengan membawakan tema 'Protecting Children in the Digital Age : Harmonising Legal Frameworks and International Cooperation' telah diadakan di The Empire Brunei, hari ini.

Persidangan anjuran Pejabat Peguam Negara Brunei Darussalam (NBD) ini telah menghimpunkan ketua pendakwa raya dan wakil dari Republik Rakyat China dan Negara Anggota ASEAN, serta Hong Kong Special Administrative Region dan Macao Special Administrative Region bagi bertukar-tukar pengalaman dan memperkukuh kerjasama dalam melindungi kanak-kanak daripada penderaan dan eksploitasi dengan menggunakan kaedah teknologi.

Persidangan tersebut dipengerusikan bersama oleh Peguam Negara dan Pendakwa Raya, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib dan Chief Grand Prosecutor and Prosecutor General Supreme People's Procuratorate Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Ying Yong.

Dalam menyampaikan ucapan alu-aluan, Yang Berhormat Peguam Negara dan Pendakwa Raya menekankan bahawa perlindungan kanak-kanak dalam era digital memerlukan kerangka perundangan domestik yang kukuh dan kerjasama antarabangsa yang efektif.

Yang Berhormat Peguam Negara seterusnya menitikberatkan keperluan yang mendesak untuk merapatkan jurang perundangan, prosedur dan maklumat melalui pemeliharaan bukti digital dengan segera serta pengukuhan hubungan rentas sempadan yang membolehkan tindak balas yang pantas.

Bagi merealisasikan keutamaan tersebut, Yang Berhormat Peguam Negara menyeru agar prosedur yang lebih jelas, komunikasi awal, latihan yang berterusan dan pertukaran profesional dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, Tuan Yang Terutama Ying Yong dalam menyampaikan ucaptama, menitikberatkan bahawa sejak penubuhan China - ASEAN Prosecutors - General Conference pada 2004, badan pendakwaan China dan negara ASEAN telah melaksanakan kerjasama praktikal yang meluas dan produktif, memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan keamanan, kestabilan, kemakmuran dan pembangunan serantau.

Tuan Yang Terutama menekankan sebagai usaha pada masa akan datang, latihan sumber manusia akan terus diperkukuh bagi memastikan kedua-dua rantau memiliki keupayaan operasi bersama yang perlu bagi menangani cabaran perundangan dan serantau yang kian meningkat.

Peguamcara Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi telah mengetuai delegasi NBD di persidangan tersebut dan menyampaikan Kenyataan NBD semasa Sesi Pleno.

Para delegasi turut berkongsi pandangan mengenai kerangka perundangan dan strategi negara masing-masing dalam melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi dan penderaan dalam talian.

Persidangan diakhiri dengan penandatanganan Joint Declaration of the 16th China ASEAN Prosecutors - General Conference. Deklarasi tersebut mengesahkan semula komitmen untuk memperkukuh kerjasama dalam menangani eksploitasi kanak-kanak dalam era digital, dengan mengutamakan kepentingan terbaik kanak-kanak dalam usaha tersebut.

Deklarasi itu juga menekankan kepentingan memperkukuh kerangka perundangan, meningkatkan keupayaan pendakwaan melalui latihan dan pertukaran profesional serta meningkatkan kesedaran orang ramai bagi mencegah dan menangani eksploitasi kanak- kanak secara dalam.

Penganjuran China ASEAN Prosecutors-General Conference Ke-16 oleh NBD mencerminkan komitmen yang berterusan dalam memperkukuh kerjasama pendakwaan serantau dan melindungi kanak-kanak dalam era digital.

Waspada SMS palsu yang mendakwa kesalahan lalu lintas

Siaran Akhbar : Pusat Kebangsaan E-Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa jabatan ini telah menerima laporan mengenai mesej Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) palsu yang mendakwa bahawa penerima telah melakukan kesalahan lalu lintas.

Mesej berkenaan mengandungi pautan ke laman sesawang palsu yang menyamar sebagai EGNC, dan penerima diminta untuk memberikan maklumat peribadi serta membuat bayaran bagi kesalahan lalu lintas yang didakwa atas penerima.

EGNC ingin menjelaskan bahawa mesej berkenaan bukan dikeluarkan oleh EGNC dan jabatan ini tidak akan meminta bayaran daripada orang ramai melalui SMS, WhatsApp atau sebarang pautan.

Orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga berikut, iaitu elakkan daripada mengklik pautan yang mencurigakan atau memuat turun lampiran daripada sumber yang tidak dikenali; jangan dedahkan maklumat peribadi, kata laluan, One-Time Password (OTP) atau butiran perbankan; sahkan kesahihan laman sesawang kerajaan dengan menyemak nama domain rasmi termasuk *.gov.bn*; berhati-hati apabila menerima mesej yang mendakwa mewakili agensi kerajaan; dan elakkan daripada berkongsi mesej yang belum disahkan.

Orang ramai yang menerima mesej mencurigakan atau memerlukan penjelasan digalakkan untuk menghubungi Talian Darussalam 123, e-mel *corpcomms@egnc.gov.bn* atau melalui Instagram *@egnc.bn.*

Bagi yang telah mendedahkan maklumat sensitif atau membuat bayaran dinasihatkan untuk menghubungi bank masing-masing dengan segera dan melaporkan perkara berkenaan kepada Anti-Scam Hotline 16993.

Pengemaskinian struktur tarif elektrik bagi sektor komersial

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Tenaga, Huluan dan Hiliran

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Oktober. - Jabatan Tenaga, Huluan dan Hiliran di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) dan Kementerian Kewangan ingin merujuk kepada pengumuman semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22, Majlis Mesyuarat Negara, serta siaran akhbar yang dikeluarkan pada 17 Mac 2026 mengenai pengemaskinian struktur tarif elektrik bagi sektor komersial daripada bersifat 'regresif' kepada 'progresif', dan seterusnya memberikan maklumat lanjut mengenai struktur tarif baharu berkenaan serta pelaksanaannya.

Tarif elektrik yang sebelum ini dikenali sebagai 'Tarif B: Sektor Komersial' kini dinamakan semula sebagai 'Tarif B: Sektor Bukan Perumahan', dengan struktur tarif progresif dan kadar baharu.

Tempoh peralihan selama 18 bulan akan diberikan sebelum kadar tarif baharu mula berkuat kuasa pada April 2028 bagi pengguna yang berdaftar di bawah Tarif 'B'. Tempoh peralihan ini bertujuan memberikan masa yang mencukupi kepada pengguna yang terlibat untuk meneliti corak penggunaan elektrik masing-masing serta membuat persediaan yang diperlukan sebelum pelaksanaan tarif baharu.

Pengemaskinian struktur tarif ini hanya melibatkan sektor bukan perumahan dan tidak akan menjejaskan kadar tarif elektrik yang sedia ada bagi sektor perumahan. Struktur tarif elektrik bagi sektor perumahan, yang telah dikemaskinikan kepada struktur progresif pada tahun 2012, adalah kekal tidak berubah.

Kadar tarif elektrik baharu adalah seperti berikut: Penggunaan Tenaga (kWh) 0001 kWh hingga 1500 kWh adalah BND0.08; 1500 kWh hingga 4500 kWh adalah BND0.12; 4500 kWh hingga 15000 kWh adalah BND0.15; 15 MWh hingga 7200 MWh adalah BND0.21; 7200 MWh hingga 21600 MWh adalah BND0.23; dan 21600 MWh ke atas adalah BND0.25.

Di bawah struktur baharu ini, kadar tarif elektrik akan ditentukan berdasarkan jumlah penggunaan elektrik sebenar. Melalui struktur tarif progresif, kadar yang lebih rendah akan dikenakan bagi penggunaan sehingga 1,500 kWh, manakala penggunaan yang melebihi paras tersebut akan dikenakan kadar yang lebih tinggi mengikut blok penggunaan yang ditetapkan.

Bagi pengguna yang menerima bekalan elektrik pada voltan tinggi melebihi 11 kV, caj kapasiti sebanyak BND10 bagi setiap kW juga akan dikenakan. Pengemaskinian ini adalah bertujuan untuk menyokong struktur tarif elektrik yang lebih mampan, di samping menggalakkan penggunaan tenaga elektrik yang lebih berhemah dan cekap, serta membantu para pengguna memahami dan mengurus penggunaan elektrik dengan lebih berkesan, serta mengelakkan penggunaan tenaga yang tidak diperlukan.

Sepanjang tempoh peralihan ini, pihak perniagaan adalah digalakkan untuk mempertimbangkan langkah-langkah Kecekapan dan Penjimatan Tenaga (EEC) serta penggunaan Tenaga Boleh Diperbaharui (RE), termasuk sistem Solar Fotovoltaik (PV), sebagai usaha untuk mengurus penggunaan elektrik.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenalkan beberapa langkah bagi menyokong penggunaan Solar PV, termasuk tidak mengenakan duti ke atas panel solar sejak 2012 bagi membantu mengurangkan kos awal pemasangan.

Selain itu, Program Net-Metering juga telah diperkenalkan sejak tahun 2021 yang membolehkan lebihan tenaga elektrik yang dijana daripada sistem Solar PV yang memenuhi syarat disalurkan semula ke grid elektrik negara sebagai pertukaran kepada kredit tenaga.

Jabatan Tenaga, Huluan dan Huluran di JPM dengan kerjasama KEPI, Kementerian Kewangan serta pihak-pihak berkepentingan telah menubuhkan Pasukan Petugas Pemantauan dan Penelitian (Monitoring and Review Task Force) bagi memantau proses peralihan dan pelaksanaan struktur tarif yang dikemaskini.

Pasukan Petugas ini juga akan mengadakan beberapa sesi muzakarah secara berperingkat bersama pihak-pihak berkepentingan termasuk sektor perniagaan, komersial dan industri.

Sesi-sesi ini bertujuan untuk memberikan penerangan dengan lebih jelas mengenai struktur tarif yang telah dikemaskini di samping menyediakan ruang kepada pihak berkepentingan untuk mengemukakan maklum balas berhubung pelaksanaan serta pengaturan sepanjang tempoh peralihan.

Penggunaan Tenaga (kWh)	Kadar Tarif Baharu
0001 kWh hingga 1500 kWh	B$0.08
1500 kWh hingga 4500 kWh	B$0.12
4500 kWh hingga 15000 kWh	B$0.15
15 MWh hingga 7200 MWh	B$0.21
7200 MWh hingga 21600 MWh	B$0.23
21600 MWh ke Atas	B$0.25

Tarikh	Tempat
Selasa, 3 November 2026 (pagi)*	Dewan Teater, Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Khamis, 5 November 2026 (pagi)*	Mini Theatre, SPARK Centre Building, Sungai Liang
Selasa, 10 November 2026 (pagi)*	Main Auditorium, Bangunan D&T, Anggrek Desa
Khamis, 12 November 2026 (pagi)*	Mini Theatre, SPARK Centre Building, Sungai Liang
Selasa, 17 November 2026 (pagi)*	Dewan Teater, Kementerian Kewangan
Khamis, 19 November 2026 (pagi) *	Main Auditorium, Bangunan D&T, Anggrek Desa
Selasa, 1 Disember 2026 (pagi)*	Dewan Teater, Kementerian Kewangan

KADAR tarif elektrik baharu dan jadual sesi-sesi muzakarah bersama pihak-pihak berkepentingan adalah dipaparkan dalam gambar di atas.

Jadual sesi-sesi muzakarah bersama pihak-pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Selasa, 3 November 2026 diadakan di Dewan Teater, Bangunan JPM; Khamis, 5 November 2026 diadakan di Mini Theatre, SPARK Centre Building, Sungai Liang; Selasa, 10 November 2026 diadakan di Main Auditorium, Bangunan D&T, Anggerek Desa; Khamis, 12 November 2026 di Mini Theatre SPARK Centre Building, Sungai Liang; Selasa, 17 November 2026 di Dewan Teater, Kementerian Kewangan; Khamis, 19 November 2026 di Main Auditorium, Bangunan D&T, Anggerek Desa dan Selasa, 1 Disember 2026 di Dewan Teater, Kementerian Kewangan.

Penyertaan adalah melalui jemputan sahaja. Jadual, termasuk tarikh dan tempat adalah tertakluk kepada perubahan.

Maklumat lanjut mengenai pengemaskinian struktur tarif ini boleh didapati melalui laman sesawang rasmi *www.des.gov.bn* dan akaun Instagram rasmi *@desbrunei* Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Bagi sebarang pertanyaan atau bantuan lanjut, Pasukan Petugas Pemantauan dan Penelitian boleh dihubungi melalui talian WhatsApp, +673 7400515 atau e-mel *tariffb@jpm.gov.bn*.

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 137 / 26 - 27
Perkhidmatan Pembinaan, Pemasangan Dan Pembongkaran Pentas Serta Pembinaan Podium Bagi Karnival Media RTB 2026

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 138 / 26 – 27
Perkhidmatan Pembekalan, Pemasangan Dan Pembongkaran Sewaan Skrin LED Dan Grafik Visual Bagi Karnival Media RTB 2026

Bayaran Yuran (Setiap Satu Sebut Harga):
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(*Hardcopy*)

Tarikh Tutup:
Rabu, 28 Oktober 2026
Jam 2.00 petang

JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPR(B) / 2026 - 2027
Sebut Harga Perkhidmatan Pemotongan Rumput Tempoh Dua (2) Tahun Bagi Zon 'B' Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. Tahun 1448H-1449H / 2026M-2027M

Tarikh Tutup:
Rabu, 1 Jamadilakhir 1448H / 11 November 2026M
Tidak lewat jam 2.00 petang

JABATAN TENAGA MANUSIA DAN PEKERJAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jabatan Tenaga Manusia Dan Pekerjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
PJB / 3003 / SH / 03 - 2026
Sebut Harga Penggantian Label Dan Papan Tanda Jabatan Tenaga Manusia Dan Pekerjaan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 November 2026 (Rabu)
Jam 2.00 petang

Yuran Bayaran Dokumen Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Jabatan Tenaga Manusia Dan Pekerjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
PJB / 3003 / SH / 02 - 2026
Sebut Harga Pembaikan Kebocoran Siling-Siling Yang Terjejas Di Dalam Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Manusia Dan Pekerjaan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 November 2026 (Rabu)
Jam 2.00 petang

Yuran Bayaran Dokumen Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV (III & IV) Sahaja

Kategori:
[KA01 sahaja]
(Kod Baharu)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
20 Oktober 2026
Selasa

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 November 2026
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 007 / 2026 – (CDE).T.IV

Nama Projek:
Kontrak Berpenggal Lima (5) Tahun Bagi Pemantauan Kualiti Air Loji Rawatan Kumbahan & Sungai Di Kawasan Tadahan Brunei Muara, Tutong & Temburong

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
II & III sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM024 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / KKBS.03

Nama Projek:
Kerja-kerja Pembaikan Di Pusat Pengkajian Borneo, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa, 3 November 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 17 November 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Tawaran:
KK / 244 / 2026 / SSBH (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Of Consumable Items For Ward 15 And SCBU, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (03) Years Usage - 8 Items

Yuran Tawaran:
BND10.00

2. Bilangan Tawaran:
KK / 245 / 2026 / MED

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Paramedic Uniforms Under The Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

3. Bilangan Tawaran:
KK / 246 / 2026 / HTD

Keterangan:
Repair For One (1) Unit Of Liquid Chromatography Mass Spectrometery (LCMS) System Brand: Thermo Fisher Scientific, Model: Q-EXACTIVE, S/N: 02224L BME19923 At Food Chemistry Section Department Of Scientific Services

Yuran Tawaran:
BND10.00

4. Bilangan Tawaran:
KK / 33 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

5. Bilangan Tawaran:
KK / 34 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

6. Bilangan Tawaran:
KK / 35 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

7. Bilangan Tawaran:
KK / 36 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang
3 November 2026

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / RPK / TA / 8014
Pembelian Ballistic Helmet Bagi Unit Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB)

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 17 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 24 November 2026
Jam 2.00 petang

JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0055 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of Reagents And Consumables For Environmental PCR Laboratory And Microbiology Laboratory

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Technical Service For Calibration Of Laboratory Equipment In Compliance To ISO / IEC 17025 Standard

Tarikh Tutup:
Khamis, 12 November 2026

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi:

1. Membekal Dan Menghantar Bahan Guna Habis Pencetak Ink Toner Cartridge Dan Drum Unit
Rujukan:
JBP / TSH / 22 / 2026 - 2027

2. Membekal Dan Menghantar Peralatan Scanner
Rujukan:
JBP / TSH / 23 / 2026 - 2027

3. To Supply, Dismantle And Install Various Types Of New Complete Air Conditioner Units
Rujukan:
JBP / TSH / 24 / 2026 - 2027

4. Membekal Dan Menghantar Portable Pump
Rujukan:
JBP / TSH / 25 / 2026 - 2027

5. Membekal Dan Menghantar Peralatan Hazmat
Rujukan:
JBP / TSH / 26 / 2026 - 2027

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis, 5 November 2026
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
03 / KKBS / HK43 -2027

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Install And Dismantle Of New Lamp Post Banner In Conjunction With 43rd Brunei Darussalam National Day Celebration 2027

Tarikh Tutup:
Khamis,
29 Oktober 2026

JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026 – 2027 / 08A.
Existing, Installing, Commissioning And Testing PABX System At Jabatan Audit, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

1. Deskripsi:
IP PABX

Kuantiti: 1

2. Deskripsi:
IP Telephone - Operator

Kuantiti: 1

3. Deskripsi:
IP Telephones

Kuantiti: 16

4. Deskripsi:
Switch

Kuantiti: 1

5. Deskripsi :
Gateway-Analog Telephones

Kuantiti: 5

6. Deskripsi:
Uninterrupted Power Supply (UPC)

Kuantiti: 1

7. Deskripsi:
Standing Rack

Kuantiti: 1

8. Deskripsi:
Installation, Testing & Commissioning Charges

JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan,
Jabatan Perdana Menteri

Tajuk Sebut Harga:
JPP / 1 / 3 / 16 / 3 / 26 - 27
Supply and Delivery of Printer Catridges for Management Services Department, Prime Minister's Office, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis,

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 61 / 2026

Tawaran:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Flat F30 unit No.5, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
27 Oktober 2026

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN

Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK / Q / 2026 – 19
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Ruang Pejabat Tingkat 1 Dan Bilik Latihan An-Nafis, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 3 November 2026

Kuantiti: 1

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 November 2026

Bandar Seri Begawan

Yuran Sebut Harga (E-dokumen):
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 4 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEDN / UTM / LTK / 01 - 2026
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing and Commissioning of Wireless Access Points (APs) and Wireless LAN Controller

Tarikh Tutup / Jam:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 petang

JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDB / CCTV / P1 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery, Dismantling, Installation, Setup,Testing And Commission Of Additional Works And Equipment For CCTV HD Camera System Phase 1 At Belait District Office

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Terakhir Mengambil

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
KKBS / OBBD / F-003 (06-2026)
Kerja-Kerja Memasang Dan Membina Garaj Di Kem Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Batang Duri, Kampung Batang Duri, Daerah Temburong

Tarikh Tutup :
Khamis,
29 Oktober 2026

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
27 Oktober 2026
(Selasa)

Dokumen Tawaran:
30 September 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
20 Oktober 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
Tidak Lewat 2.00 Petang
27 Oktober 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 29 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap Semula Lebuh Raya Muara – Tutong (Hala Tutong).

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
13 / 2026
Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pertanian (Sayur-Sayuran) 2.0 Hektar Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Bertumpu, Daerah Brunei Dan Muara

Bilangan dan Keterangan Tapak:
13 / 2026
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Bertumpu, Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot 45

Keluasan:
2.0 hektar

Bilangan dan Keterangan Tapak:
14 / 2026
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Bertumpu, Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot 87

Keluasan:
2.0 hektar

Bilangan dan Keterangan Tapak:
15 / 2026
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Bertumpu, Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot 127

Keluasan:
2.0 hektar

Bilangan dan Keterangan Tapak:
16 / 2026
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Bertumpu, Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot 162

Keluasan:
2.0 hektar

Bilangan dan Keterangan Tapak:
17 / 2026
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Bertumpu, Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot 183

Keluasan:
2.0 hektar

Syarat:
Perusahaan Tanaman Sayur-Sayuran
a) Pengeluaran Sayur buah bernilai tinggi (Tomato Besar, Lada Thailand, Timun Jepun) menggunakan Teknologi tinggi / moden (Rumah Terlindung, Fertigasi, Pengairan Titis dan lain-lain)

Tempoh iklan:
4 minggu

Tarikh Mula Iklan:
Isnin,
12 Oktober 2026

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin,
9 November 2026

Tarikh Akhir Menghantar :
Isnin,
7 Disember 2026
sebelum
jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 26

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Digital Asset Management & Organisation Services

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
29 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 10 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat Dan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan

Notis Sebut Harga

1. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q04
Invitation To Supply, Delivery And Testing Of A3 Color Laserjet Printer For
Ministry Of Development

2. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q05
Invitation To Supply And Delivery Of Notebook For
Ministry Of Development

3. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q15
Invitation To Supply, Deliver And Configure For The Renewal Of CISCO SMARTNET For
Ministry Of Development

4. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q16
Invitation For Two Year Network Preventive Maintenance For
Ministry Of Development Headquarter (MOD HQ)

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut harga:
BND9.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Rabu, 14 Oktober 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis, 29 Oktober 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
2 November 2026

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / ABDB / TA / 6022
Pembelian Jungle Hat D2P Dan Shooting Cap D2P Bagi Tentera Darat Diraja Brunei Dan Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / panghat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sijil, transkrip dan pengktiraan Majlis Kebangsaan Pengktiraan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn | Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | PSC.BN

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN** KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/OCT/01/KPBG/SPA	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	28 OKTOBER 2026
2.	**JURUTERA KERJA** JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET KEMENTERIAN PENDIDIKAN B.3 (BAHAGIAN II) 2026/OCT/01/KPDK	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	01	38(A)	28 OKTOBER 2026
3.	**GEMBALA KUDA** KEMENTERIAN PERTAHANAN E.2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/OCT/02/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	28 OKTOBER 2026
4.	**PENOLONG PEGAWAI BANDARAN TINGKAT II** JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/OCT/01/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	02	7(A)	28 OKTOBER 2026
5.	**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN** PEJABAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN INOVASI JABATAN PERDANA MENTERI SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) 2026/OCT/01/JPM/SPA	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	31 OKTOBER 2026
6.	**PENGAWAL KESELAMATAN** KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2026/OCT/02/KEPI	KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI	01	7(A)	31 OKTOBER 2026

PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin

DA / JKSH / 138 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND708.00 Sebulan

DA / JKSH / 139 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND757.00 Sebulan

DA / JKSH / 140 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Lambak Kiri, Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND528.00 Sebulan

DA / JKSH / 141 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Pusat Tingkatan Enam Tutong, Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND424.00 Sebulan

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Café

DA / JKSH / 142 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Café Bagi Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
31 Oktober 2026
Jam 9.00 Pagi

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
31 Oktober 2026
Jam 9.00 Pagi

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TCP / 16 / 2026 / 2027
The Supply And Delivery Of Notebook For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TCP / 17 / 2026 / 2027
The Supply And Delivery Of A3 Colour Multifunction Laserjet Printer, Department of Town and Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TCP / 18 / 2026 / 2027
The Supply And Delivery Of A4 Colour Laserjet Printer, Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Brunei Darussalam

Permohonan dokumen sebut harga adalah dengan melayari laman sesawang ***www.jpbd.gov.bn*** melalui link Perkhidmatan Dalam Talian iaitu Sistem Tcpestorebn atau melalui Berita Terkini

Harga Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Sabtu,
24 Oktober 2026
Sebelum jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPA / RKN / 1208-009
The Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training and Commissioning of the Surface Movement Radar (SMR) System and Provision of Other Related Services

Tarikh mula menyiarkan:
Isnin,
19 Oktober 2026

Tarikh terakhir menyiarkan:
Sabtu,
24 Oktober 2026

Tarikh Hari Informasi:
Isnin,
26 Oktober 2026

Masa Hari Informasi:
Jam 9.00 pagi hingga selesai

Tempat Hari Informasi:
Bilik Mesyuarat,
Bangunan Sekuriti Penerbangan,
Jabatan Penerbangan Awam

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 27
To Design, Fabricate, Supply And Install Visitor Eco – Trail Information Board For Wasai Teraja And Wasai Belulok, Mukim Labi, Belait

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
12 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0055 / 2026
Supply And Delivery Of Reagents And Consumables For Environmental PCR Laboratory And Microbiology Laboratory

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2026
Technical Service For Calibration Of Laboratory Equipment In Compliance To ISO / IEC 17025 Standard

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 122 / 26 - 27
Replacement Of Bukit Subok Transmitter Station's Aviation Obstruction Lights (AOL)

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 139 / 26 - 27
Supply And Delivery Of Live Video Encoding, Decoding And Transcoding System For SRT/IP Streaming

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(*Hardcopy*)

Tarikh Tutup:
Rabu, 28 Oktober 2026
Jam 2.00 petang



MENITI USIA EMAS

DENGAN BEKALAN DUNIA DAN AKHIRAT

جبatan حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
12 JAMADILAWAL 1448 / 23 OKTOBER 2026

PERSARAAN: LEMBARAN KEHIDUPAN BAHARU

Persaraan bukan bererti kehidupan telah berakhir. Ia adalah peluang untuk menjalani kehidupan dengan lebih tenang.



TAMBAH BEKALAN MENUJU AKHIRAT

Manfaatkan usia persaraan untuk:



Mendekatkan diri kepada Allah SWT.



Memperbanyakkan amal kebajikan.

RANCANG KEWANGAN DENGAN BIJAK



Berbelanjalah secara berhemah.



Sediakan simpanan untuk keperluan tidak dijangka.



Bezakan antara keperluan dan kehendak.

SELESAIKAN HUTANG

Mengikut kemampuan dan jadual yang telah dipersetujui termasuk pembiayaan perumahan dan kenderaan.



MANFAATKAN KELAPANGAN USIA DENGAN IBADAH DAN KEBAJIKAN



DAHULU

Kesibukan pekerjaan menyebabkan kita kurang memberikan perhatian kepada amalan tertentu.

KINI

Manfaatkanlah masa untuk meningkatkan amal kebajikan.



SUSUN RUTIN HARIAN YANG SEIMBANG

Susunlah rutin harian yang sesuai dengan kemampuan, termasuk ibadah, rehat dan penjagaan kesihatan.



IBADAH



REHAT



PENJAGAAN KESIHATAN

SILA IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN KHUTBAH JUMAAT YANG LENGKAP DAN UNTUK MENGIKUTI CHANNEL WHATSAPP KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KHUTBAH JUMAAT

CHANNEL WHATSAPP

UNIT KHUTBAH, BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI



Meniti usia emas dengan bekalan dunia dan akhirat

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Bagi kebanyakan orang yang bekerja, masa persaraan merupakan suatu perubahan penting dalam kehidupan. Setelah sekian lama menabur bakti dengan masa, tenaga dan pengorbanan, persaraan membuka lembaran hidup yang baharu.

Pada masa inilah kita berpeluang untuk berehat dan meluangkan lebih banyak masa bersama pasangan, anak-anak dan cucu-cucu. Di samping itu, masa yang ada dapat diisi dengan menjaga kesihatan, menambah ilmu, memperkukuh ibadah serta terus menyumbang kepada keluarga dan masyarakat mengikut kemampuan. Oleh itu, persediaan menghadapi persaraan sewajarnya dirancang lebih awal agar kehidupan lebih teratur dan bermakna.

Apa pun keadaannya, persaraan bukanlah bererti kehidupan telah berakhir. Bahkan ia adalah permulaan untuk menjalani kehidupan dengan lebih tenang. Namun perlu diingat, beribadah dan persediaan untuk akhirat adalah tanggungjawab sepanjang hayat, bukan hanya setelah kita bersara.

Keadaan setiap pesara adalah berbeza. Ada yang kembali bekerja, ada yang menjaga pasangan atau ahli keluarga yang sakit dan ada pula yang diuji dengan masalah kesihatan. Walau apa pun keadaannya, setiap orang tetap berpeluang meraih pahala melalui kesabaran dan tanggungjawab yang dilaksanakan dengan ikhlas.

Gunakanlah usia persaraan untuk lebih mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memperbanyakkan amal kebajikan mengikut kemampuan. Hadirlah majlis-majlis ilmu, imarahkanlah masjid serta hulurkan bantuan kepada keluarga dan masyarakat. Pengalaman dan kemahiran yang dimiliki juga amat berharga untuk dikongsikan dengan generasi muda. Ahli keluarga pula hendaklah memberi sokongan serta mengambil kira kesihatan dan kemampuan mereka.

Persaraan juga memerlukan perancangan kewangan yang baik, berbelanjalah secara berhemah, sediakan simpanan untuk menghadapi keperluan yang tidak dijangka dan bezakan antara keperluan dan kehendak.

Apabila menerima wang persaraan, tidak salah untuk menikmati hasil titik peluh sendiri dengan penuh kesyukuran. Namun janganlah kita berbelanja secara berlebihan sehingga menjejaskan keperluan masa hadapan. Islam mengajar kita supaya mengurus harta dengan bijak dan bersederhana agar rezeki yang dikurniakan membawa keberkatan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Furqan, ayat 67 :

Tafsirnya : "*Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil kedekut dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya*".

Maka sebelum melangkah ke alam persaraan, ada baiknya kita menyemak semula baki hutang dan tanggungan termasuk pembiayaan rumah dan lainnya serta merancang pembayarannya mengikut kemampuan dan jadual yang telah dipersetujui. Selesaikanlah hutang apabila mampu tanpa mengabaikan nafkah dan keperluan asas keluarga dengan tanggungan yang tersusun, insyaaAllah hari-hari persaraan dapat dilalui dengan lebih tenang.

Islam memandang berat soal hutang. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Menunda-nunda pembayaran hutang bagi orang yang telah mampu membayarnya adalah suatu kezaliman*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Persaraan juga merupakan masa yang sesuai untuk bermuhasabah. Tanyalah diri kita sendiri : Berapa banyak masa yang telah kita gunakan untuk urusan dunia dan sebanyak manakah bekalan yang telah kita sediakan untuk akhirat? Pekerjaan yang halal, amanah dalam tugas dan usaha menyara keluarga juga boleh menjadi bekalan akhirat apabila diletakkan dengan niat yang ikhlas serta menurut tuntutan syarak.

Sekiranya dahulu kesibukan pekerjaan menyebabkan kita kurang memberikan perhatian kepada amalan tertentu, maka inilah masanya untuk meningkatkan amal kebajikan. Susunlah rutin harian yang sesuai dengan kemampuan, termasuk ibadah, rehat dan penjagaan kesihatan.

Ingatlah, masa yang berlalu tidak akan kembali. Daripada Abdullah bin Abas Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Manfaatkan lima perkara sebelum (datang) lima perkara : (Masa) mudamu sebelum datang (masa) tuamu, sihatmu sebelum datang masa sakitmu, (Masa) kayamu sebelum datang (masa) sempitmu, (masa) lapangmu sebelum datang (masa) sibukmu dan (masa) hidupmu sebelum datang (masa) kematianmu*". (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Sesungguhnya kehidupan di dunia ini hanyalah sementara, sedangkan kehidupan di akhirat adalah kekal selama-lamanya.

Sama ada kita masih bekerja atau telah bersara, marilah kita memanfaatkan usia yang dikurniakan ini untuk memperkukuhkan iman, memelihara keluarga dan berbuat baik kepada sesama manusia.

Harta, simpanan dan pangkat akhirnya akan kita tinggalkan. Apa yang akan kita bawa hanyalah iman dan amal soleh yang dilakukan dengan ikhlas. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala membimbing kita dalam memanfaatkan usia yang masih ada, menerima segala amal kebajikan yang kita lakukan serta mengurniakan kepada kita kesudahan hidup yang baik dan penuh rahmat. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "*Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakannya untuk hari esok (hari akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan*". (Surah Al-Hashr, ayat 18)

Perlindungan kanak-kanak dalam talian perlukan tindakan bersepadu

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi dan penderaan seksual dalam talian memerlukan undang-undang yang berkesan, tindakan yang diselaraskan serta peningkatan kesedaran orang ramai.

Perkara berkenaan diketengahkan dalam satu ceramah yang disampaikan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, merangkap Pendakwa Raya, yang bertajuk 'Perspektif Negara Brunei Darussalam Mengenai Perlindungan Kanak-kanak Dalam Era Digital' (Brunei Darussalam's Perspective on Protecting Children In The Digital Age) yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Ceramah berkenaan dihadiri oleh Ketua Pendakwa Raya dan Peguam Negara dari Republik Rakyat China dan Negara Anggota ASEAN serta wakil dari Hong Kong Special Administrative Region dan Macao Special Administrative Region, yang diiringi oleh delegasi masing-masing.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta pensyarah dan pelajar dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Laksamana College of Business (LCB).

Ceramah berkenaan menggariskan empat tonggak utama peranan seorang pendakwa raya dalam melindungi kanak-kanak, iaitu menguatkuasakan undang-undang bagi melindungi kanak-kanak daripada penderaan dan eksploitasi; memastikan hukuman setimpal dengan keseriusan kemudaratan yang ditimbulkan; meningkatkan kesedaran orang ramai dan usaha pencegahan; serta memperkukuh kerjasama antara agensi-agensi yang berkaitan dan pada peringkat antarabangsa.

Dengan merujuk kepada rangka kerja perundangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan beberapa kes pendakwaan, ceramah berkenaan mengetengahkan bagaimana platform digital boleh digunakan untuk memperdaya dan mengeksploitasi kanak-kanak, memaksa mereka berkongsi imej intim serta menyebarkan bahan penderaan seksual kanak-kanak.

Turut ditekankan bahawa pelaku kesalahan mungkin terdiri daripada individu yang telah dikenali dan dipercayai oleh kanak-kanak berkenaan, dan perasaan takut, malu atau menyalahkan diri sendiri boleh menghalang kanak-kanak daripada melaporkan penderaan yang dialami.

Kesedaran orang ramai kekal sebagai aspek penting dalam usaha pencegahan. Melalui Program Kesedaran Jenayah Siber yang dilancarkan pada 2014, Pejabat Peguam Negara telah mengadakan ceramah kesedaran di sekolah-sekolah dan bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk membantu golongan muda mengenal pasti risiko dalam talian serta memahami bila mereka perlu mendapatkan bantuan.

Sebagai penutup, Yang Berhormat Peguam Negara menegaskan bahawa perlindungan kanak-kanak dalam talian merupakan tanggungjawab bersama.

Keluarga, institusi pendidikan, agensi kerajaan, penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan masyarakat secara keseluruhannya masing-masing berperanan dalam membantu memastikan keselamatan kanak-kanak, menggalakkan mereka melaporkan sebarang kebimbangan serta memastikan mereka mendapat perlindungan dan sokongan yang sewajarnya.

Ceramah berkenaan dianjurkan oleh Pejabat Peguam Negara bersempena dengan 16th China-ASEAN Prosecutors-General Conference, yang bertemakan 'Protecting Children in the Digital Age : Harmonising Legal Frameworks and International Cooperation'.

Persidangan berkenaan dianjurkan oleh NBD dan akan dimulakan dengan Sesi Pleno pada esok hari.



YANG Berhormat Peguam Negara merangkap Pendakwa Raya semasa menyampaikan ceramah (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir ialah terdiri daripada Ketua Pendakwa Raya dan Peguam Negara dari Republik Rakyat China dan Negara Anggota ASEAN, serta wakil dari Hong Kong Special Administrative Region dan Macao Special Administrative Region.





Dia yang diceritakan ibu

Oleh : A.Naz Abd
Ilustrasi : Muhammad Al Khaliq Ali

PAGI Isnin itu terasa sedikit berbeza" bagi Akif. Hari ini merupakan hari pertamanya bergelar pensyarah di sebuah universiti. Selepas bertahun-tahun bergelar pelajar, akhirnya lelaki berusia 28 tahun itu berdiri di hadapan sebuah kelas dengan kad nama tertera : DR. AKIF AZHAR BIN HAJI ABU BAKAR. Akif menghela nafas panjang sebelum membuka komputer ribanya. *"Bismillah. Jangan nervous. Ini cuma pelajar."* Dia berhenti seketika. Namun, entah kenapa jantungnya tetap berdegup lebih laju. Akif membuka senarai nama pelajar di dalam sistem. Matanya menyusuri satu demi satu nama.

Nurul. Haziq. Sofea.

Kemudian, jarinya terhenti. Zuhayra Nur Amani binti Haji Omar. Akif terkedu. *"Zuhayra?"* Satu nama yang sudah terlalu lama tersimpan di dalam ingatannya. Sejak kecil, ibunya sering menceritakan tentang seorang gadis bernama Zuhayra. *"Akif, kamu tahu tak dulu masa mama kemalangan, ada seorang budak perempuan yang tolong mama?" "Budak perempuan?" "Ya. Dia masih muda. Dia yang telefon ambulans, bawa mama ke hospital dengan bantuan orang sekeliling. Malah..keluarga dia sanggup menderma darah untuk mama."* Akif masih ingat cerita itu. Dan dia juga masih ingat ayat ibunya selepas itu. *"Kalau suatu hari nanti kamu bertemu dengannya, jangan lupa berterima kasih."* Akif menggeleng perlahan. *"Takkanlah..."*

Pintu kelas tiba-tiba terbuka. Seorang demi seorang pelajar masuk. Akif segera menutup skrin komputernya. Pelajar mula mengambil tempat. *"Assalamualaikum, doktor."*

"Waalaikumsalam." Akif tersenyum. "Baik, sebelum kita mulakan kelas, saya nak kita buat sesi pengenalan ringkas." Seorang demi seorang memperkenalkan diri. Sehinggalah seorang gadis bersuara, "*Nama saya Zuhayra Nur Amani. Saya pelajar Sarjana tahun akhir dalam bidang pengurusan."* Akif yang sedang mencatat sesuatu terus berhenti menulis. Dia mengangkat wajah. Buat pertama kali, dia melihat gadis yang selama ini hanya wujud dalam cerita ibunya.

Suara itu lembut. Akif hanya memandang beberapa saat sebelum tersedar. *"Oh. Patutlah mama selalu cakap dia baik."* Akif cepat-cepat mengalihkan pandangan.

"Baik. Terima kasih, Zuhayra." Zuhayra mengangguk lalu kembali ke tempat duduknya. Namun sebelum dia duduk, mata mereka sempat bertembung. Akif tersenyum kecil. Zuhayra membalas dengan senyuman. Tetapi bagi Akif, satu senyuman itu sudah cukup membuatkan fikirannya kembali kepada kata-kata ibunya. Hari-hari berikutnya berlalu seperti biasa. Akif menjadi pensyarah yang tegas tetapi mudah didekati. Zuhayra pula merupakan antara pelajar yang paling konsisten hadir ke kelas. Namun, setiap kali mereka terserempak di koridor menuju ke kelas mereka, perkara yang sama berlaku. *"Assalamualaikum, Doktor." "Waalaikumsalam, Zuhayra."* Senyum. Kemudian mereka meneruskan perjalanan masing-masing. Begitu sahaja. Tiada perbualan panjang. Tiada gurauan berlebihan. Tetapi kawan rapat Zuhayra mula perasan sesuatu.

"Zuhayra."

"Hmm?"

"Dr. Akif tu kan macam lain bila nampak kau." Zuhayra mengerutkan dahi. *"Lain macam mana?" "Entahlah. Macam... senyum."* Zuhayra menggeleng kepala. *"Dia pensyarah kita. Mungkin dia cuma hormat dengan pelajarnya mungkin."* Namun jauh di sudut hatinya, Zuhayra sendiri kadang-kadang tertanya-tanya.

Suatu petang, selepas kelas tamat, Akif sedang berjalan menuju ke pejabatnya apabila dia terdengar suara ketawa dari arah kantin. Dia menoleh. Dan langkahnya terhenti. Dia ternampak Zuhayra bersama seorang pelajar lelaki bernama Haziq. Mereka sedang duduk makan tengah hari. Haziq ketawa sambil menunjuk sesuatu di telefon.

Akif menghela nafas dan berjalan pergi. Tetapi sepanjang perjalanan ke bilik pensyarah, wajah mereka tetap bermain di fikirannya.

Malam itu, telefon ibunya berdering.

"Assalamualaikum, Mama."

"Waalaikumsalam. Macam mana kerja?"

"Okay." Ibunya diam sebentar. *"Zuhayra macam mana?"*

"Macam mana mama tahu saya mengajar dia?"

Senyap. Kemudian ibunya ketawa kecil. Ibunya akhirnya berkata perlahan.

"Dulu mama dengan ibu Zuhayra memang pernah berbincang." Akif terdiam.

"Berbincang apa?"

"Soal kamu berdua." Akif hampir tercekik air.

"Mama?!"

"Mama dah bincang dengan keluarga dia?"

"Dan mama tak pernah beritahu saya?"

"Kalau mama beritahu, kamu nak lari?" usik ibunya.

"Mama..."

"Kenapa?"

"Saya rasa... saya nak percepatkan." Ibunya senyap. *"Kamu serius?"*

Akif teringat Zuhayra. Senyuman kecilnya. Cara dia bercakap dan wajahnya bersama Haziq di kantin tadi bermain di fikirannya. *"Saya takut terlambat."*

Ibunya terus ketawa.

"Baik, baik. Mama hubungi ibu Zuhayra."

Di satu sudut yang lain, Zuhayra sedang duduk di ruang tamu bersama ibunya. *"Ibu nak beritahu sesuatu, minggu depan ada orang datang merisik."* Zuhayra terdiam. *"Merisik?"* Ibunya mengangguk. *"Untuk Zuhayra."* Gadis itu menarik nafas perlahan. *"Siapa?"* Ibunya tersenyum. *"Nanti tahulah."* Zuhayra tidak banyak bertanya.

"Kalau itu yang ibu rasa baik, Zuhayra ikut saja." Ibunya mengusap kepala anaknya.

Hari majlis merisik tiba. Zuhayra duduk bersama beberapa orang saudara perempuan sambil sesekali menjeling ke arah ruang tamu. Namun wajah lelaki yang bakal dirisikkan kepadanya masih belum kelihatan.

"Siapa sebenarnya lelaki ni?"

Majlis berjalan lancar. Senyuman dan gelak kecil memenuhi ruang tamu. Tiba-tiba kedengaran suara dari luar.

"Assalamualaikum."

Semua kepala berpaling. Seorang lelaki melangkah masuk. Segak berbaju Melayu yang kemas dan tenang.

"Doktor?!"

Akif hanya tersenyum. Zuhayra memandang ibunya. Kemudian memandang Akif. Kemudian ibunya lagi.

"Doktor buat apa dekat sini?". Akif cuba menahan senyum. *"Datang rumah awak."*

"...Kenapa?"

"Urusan keluarga." Zuhayra semakin bingung. *"Doktor keluarga siapa?"*

Beberapa orang ahli keluarga mula menundukkan wajah sambil menahan ketawa. Ibu Zuhayra akhirnya bersuara. *"Kenalkan."* Ibu Zuhayra menunjuk ke arah Akif. *"Inilah lelaki yang datang merisik kamu."* Zuhayra membeku. Akif tersenyum. *"Assalamualaikum, Zuhayra."*

"Waalaikumsalam..." Suaranya semakin perlahan. Zuhayra terus menundukkan wajah. Pipinya mula terasa panas. Kedua-dua keluarga bersetuju bahawa majlis pertunangan hanya akan diadakan selepas Zuhayra menamatkan pengajian sarjananya. Sehingga hari itu tiba, mereka masih mempunyai satu rahsia.

Di universiti, mereka tetap Dr. Akif dan Zuhayra. Hanya pensyarah dan pelajar.

Masa terus berlalu. Zuhayra semakin hampir dengan hari graduasinya dan Akif masih menjadi pensyarah yang tegas, sopan dan profesional. Setiap kali mereka bertembung, hanya senyuman kecil yang bertukar. Tidak lebih. Kerana mereka tahu ada masa untuk belajar dan ada masa untuk membuka sebuah rahsia yang selama ini disimpan oleh dua keluarga. Rahsia tentang sebuah pertemuan yang sebenarnya sudah ditulis jauh sebelum mereka mengenali satu sama lain. Kerana kadang-kadang, cinta tidak bermula dengan pandangan pertama. Kadang-kadang cinta bermula dengan sebuah cerita daripada seorang ibu.

Dan yang paling lucu?

"Zuhayra, sila hantar tugasan sebelum Jumaat." Sedangkan dalam hati dia mahu berkata *"Zuhayra, cepatlah habis belajar. Saya nak kahwin."* Namun sebagai seorang pensyarah, Akif hanya mampu tersenyum dan Zuhayra memandangnya. Tanpa sesiapa menyedari, dia tersenyum kecil. Rahsia itu masih kekal.

Buat sementara waktu.



Awang Muhammad Naqiuddien Asyiqin bin Ruslani,
HNTec in Tourism Operations,
School of Hospitality & Tourism,
IBTE Sultan Saiful Rijal Campus (SSRC)

"Tahniah diucapkan kepada semua pelajar IBTE atas kejayaan menamatkan pengajian ini. Terima kasih juga kepada para pensyarah dan ibu bapa yang sentiasa menyokong perjalanan mereka. Saya mendoakan agar segala urusan para graduan dipermudahkan, dikurniakan kesihatan yang baik serta mencapai kejayaan yang cemerlang dalam apa jua bidang yang diceburi nanti. Ingatlah bahawa segulung ijazah bukanlah titik noktah dalam perjalanan menuntut ilmu, sebaliknya kunci untuk membuka lebih banyak peluang pada masa hadapan. Jangan mudah berputus asa apabila berhadapan dengan cabaran dan sentiasalah yakin akan kemampuan diri sendiri. *All the best!*"



Dayang Nur Rania Dalili Amal Basirah binti Rudie Asmawi,
HNTec in Digital Marketing, School of Business, IBTE Business Campus (BC)

"Setelah menamatkan pengajian di IBTE, saya berasa bangga dengan laluan yang telah saya pilih kerana peluang ini membolehkan saya melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya. Walaupun tempoh pengajian saya di sini agak singkat, banyak kenangan manis telah saya kumpulkan sepanjang menuntut ilmu di institusi ini. Meskipun hala tuju masa depan saya masih belum pasti, saya berharap agar dapat meneruskan pengajian dan mencapai matlamat hidup yang telah saya tetapkan. Kepada para pelajar yang berada di tahun akhir, manfaatkanlah tahun terakhir ini dengan sebaik-baiknya. Inilah peluang untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi masa depan, sama ada dalam melanjutkan pengajian mahupun dalam membangunkan potensi diri. Namun, jangan lupa untuk mencipta kenangan indah sepanjang tempoh pengajian. *All the best everyone!*"

Graduan IBTE melakar kejayaan

MAJLIS Konvokesyen merupakan detik bermakna bagi para graduan dalam meraikan kejayaan menamatkan pengajian setelah melalui pelbagai cabaran dan pengalaman sepanjang tempoh pembelajaran. Kejayaan ini bukan sahaja mencerminkan usaha dan kesungguhan para graduan, malah turut menghargai sokongan keluarga serta dedikasi para tenaga pengajar dalam membimbing mereka ke arah masa hadapan yang lebih cerah. Kejayaan tersebut juga diharap menjadi pemangkin kepada para graduan Institute of Brunei Technical Education (IBTE) untuk melangkah ke alam pekerjaan atau melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya.

Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland



Awang Muhamad Zulhaikal Syafiq bin Dickzulkarnaen Hassan,
HNTec in Electrical Engineering,
School of Building Technology and Services,
IBTE Nakhoda Ragam Campus (NRC)

"Alhamdulillah, tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang telah berjaya menamatkan pengajian. Terima kasih juga kepada ibu bapa dan guru-guru atas segala pengorbanan, doa dan ilmu yang telah dicurahkan selama ini. Semoga kita semua terus mencapai kejayaan dalam apa jua bidang yang diceburi, dipermudahkan segala urusan dan dikurniakan masa hadapan yang cerah. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati setiap langkah kita serta menjadikan kita insan yang berguna kepada keluarga, masyarakat dan agama. Akhir kata, ingatlah bahawa tamatnya pengajian bukanlah pengakhiran, tetapi permulaan kepada perjalanan hidup yang baharu. Jangan mudah berputus asa, teruskan berusaha dan kejarlah impian dengan penuh keyakinan. Semoga persahabatan yang terjalin dan kenangan yang tercipta akan terus kekal dalam ingatan".



Pg. Siti Noor Azimah binti Pg. Asmadi,
HNTec in Electronic and Communication Engineering, School of Aviation,
IBTE Sultan Saiful Rijal Campus (SSRC)

"Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua graduan yang diraikan atas kejayaan menamatkan pengajian. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah serta tenaga pengajar yang telah membimbing dan mencurahkan ilmu dengan penuh dedikasi. Segala jasa dan pengorbanan *biskita* akan sentiasa dikenang. Semoga kejayaan ini menjadi titik permulaan kepada perjalanan yang lebih cemerlang. Semoga segala urusan dipermudahkan serta dikurniakan rezeki yang melimpah dan kerjaya yang diberkati. Kepada para pelajar yang bakal menamatkan pengajian, teruslah berusaha, jangan mudah berputus asa dan yakinlah bahawa setiap usaha pasti akan membuahkan hasil".



Awang Muhammad Aniq Mateen bin Haji Mohammad Fadhillah,
HNTec in Business Management,
School of Business,
IBTE Business Campus (BC)


"Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pelajar yang telah menamatkan pengajian, khususnya dari School of Business, atas kejayaan dan pencapaian yang membanggakan. Sekalung penghargaan turut ditujukan kepada para pensyarah, ibu bapa serta semua pihak yang telah memberikan bimbingan, dorongan dan sokongan sepanjang perjalanan akademik ini. Semoga segala ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperoleh menjadi asas kukuh dalam membina kerjaya yang cemerlang serta masa hadapan yang gemilang. Semoga setiap langkah sentiasa dipermudahkan, diberkati Allah Subhanahu Wata'ala dan dikurniakan kejayaan yang berterusan. Kepada para graduan, teruslah melangkah dengan penuh keyakinan, berani menghadapi cabaran dan sentiasalah berusaha meningkatkan potensi diri demi mencapai kejayaan yang lebih gemilang".



Dayang Nur 'Aresyaa Husna binti Haji Ahmad Yaardy,
HNTec in Hospitality Operation,
School of Hospitality & Tourism,
IBTE Sultan Saiful Rijal Campus (SSRC)

"Tahniah dan syabas kepada yang *graduates!* Saya amat bersyukur kerana berjaya menamatkan pembelajaran selama dua tahun dalam bidang 'HNTEC in Hospitality Operations' di IBTE School of Hospitality and Tourism. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah yang sentiasa memberikan bimbingan dan bantuan kepada kami, rakan-rakan yang menjadikan suasana pembelajaran lebih menyeronokkan, serta keluarga yang sentiasa memberikan sokongan sepanjang tempoh pengajian. Besar harapan saya agar segala ilmu, pengalaman dan kemahiran yang diperoleh dalam bidang ini dapat membuka peluang pekerjaan yang baik pada masa hadapan. Kepada pelajar-pelajar yang masih meneruskan pengajian, percayalah akan kemampuan diri sendiri. Saya yakin bahawa ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi sepanjang pengajian akan sangat berguna untuk masa hadapan, sekali gus menjadi kebanggaan diri sendiri dan keluarga".

PENERIMA ANUGERAH PMCA 2025 KONGSI INSPIRASI, PENCAPAIAN





TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam hadir pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada 6th Princess Maha Chakri Award Forum and the International Conference mengenai Pendidikan Saksama.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Siti Rokiah Abdullah, Ihsan Kedutaan Besar Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Kedutaan Besar Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Princess Maha Chakri Award (PMCA) Foundation telah mengadakan 6th Princess Maha Chakri Award Forum and the International Conference mengenai Pendidikan Saksama telah berlangsung di IMPACT Forum, Bangkok Thailand.

Majlis Perasmian 6th PMCA Forum berkenaan telah disempurnakan oleh Her Royal Highness Princess Maha Chakri Sirindhorn. Majlis berkenaan disiarkan secara langsung di Kedutaan Besar Diraja Thailand di NBD dari pukul 9.30 pagi hingga 12.20 tengah hari.

Pada forum berkenaan, penerima Anugerah PMCA 2025 dari NBD, Dayang Hajah Sharifah binti Haji Mohd. Shahlan, menyampaikan pembentangan laporan mengenai inspirasi dan pencapaian beliau semasa majlis pembukaan serta sesi Show and Share yang dijadualkan berlangsung pada 22 Oktober 2026.

MCA Award merupakan anugerah antarabangsa yang ditubuhkan pada 2015 bagi mengiktiraf jasa dan pencapaian cemerlang Her Royal Highness Princess Maha Chakri Sirindhorn of Thailand's dalam bidang pendidikan serta usaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat, khususnya golongan yang paling kurang bernasib baik di rantau kecil ini.

Anugerah PMCA diberikan kepada guru-guru cemerlang dari negara-negara ASEAN, Republik Rakyat Bangladesh, Bhutan dan Mongolia yang telah membawa perubahan positif dalam kehidupan para pelajar serta memberikan sumbangan besar kepada bidang pendidikan di negara masing-masing.

Sehubungan itu, pihak Kedutaan Besar Diraja Thailand di NBD turut menjemput wakil-wakil media untuk menghadiri Majlis Perasmian 6th PMCA Forum and the International Conference berkenaan secara maya.

Hadir pada majlis berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon.

Juga hadir, para pegawai dari Kementerian Pendidikan dan penerima Anugerah PMCA sebelumnya.

Majlis Khatam Al-Quran graduan IBTE

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Lembaga Pengelola IBTE hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar bawah, antara graduan yang diraikan.

MANGGIS / MADANG, Khamis, 22 Oktober. - Seramai 258 graduan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), yang terdiri daripada 79 graduan lelaki dan 179 graduan perempuan, telah diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-34 yang berlangsung hari ini.

Majlis tersebut diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Lembaga Pengelola IBTE, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Awang Haji Norjemee bin Jenek, Timbalan-timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, pegawai-pegawai kanan IBTE, tenaga pengajar dan kakitangan IBTE serta ibu bapa dan penjaga graduan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah secara beramai-ramai yang dipimpin oleh graduan dari IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, Awang Safwan bin Haji Asminan dan Awang Muhammad Hazman bin Kamal.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah khatam oleh para peserta. Majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir Marhaban oleh para pelajar IBTE Kampus Agroteknologi.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan Doa Khatam oleh graduan IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, Awang Muhammad Hazman bin Kamal diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh graduan IBTE Kampus Nakhoda Ragam, Awang Muhammad Sahkawi bin Saiful.

Majlis berkenaan turut meraikan seorang graduan IBTE, Dayang Nur Edlin Azzira Marlisha binti Hassan Hong daripada Program NTec in Heavy Machinery Technician, yang telah memeluk agama Islam. Penghargaan ini sekali gus menambahkan lagi makna dan keistimewaan majlis, di samping mencerminkan nilai murni serta keberkatan dalam penganjuran majlis berkenaan.

Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran ini merupakan salah satu acara tahunan IBTE sempena Majlis Konvokesyen.

Majlis ini bertujuan untuk menyemai kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan para pelajar, di samping menggalakkan pembudayaan amalan membaca dan menghayati Al-Quran dalam kehidupan seharian.

Melalui penganjuran majlis ini, IBTE berharap agar para graduan bukan sahaja mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan kemahiran teknikal, malah turut memperkukuh nilai-nilai kerohanian dan akhlak mulia sebagai bekalan untuk melangkah ke alam pekerjaan serta menghadapi cabaran masa hadapan.





PELITA BRUNEI

KUPU SB PERKUKUH KERJASAMA PENDIDIKAN DI PERINGKAT SERANTAU, ANTARABANGSA



Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hari ini telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan lima institusi pendidikan luar negara sempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad, yang seterusnya menandatangani MoU bagi pihak KUPU SB.

Lima institusi pendidikan yang terlibat ialah Universiti Geomatika Malaysia; Universitas Sunan Drajat Lamongan, Republik Indonesia; Universitas Islam Bunga Bangsa Cirebon, Republik Indonesia; Universitas PTIQ Jakarta, Republik Indonesia; dan Sekolah Tinggi Agama Islam Darul Kamal Nahdlatul Wathan Kembang Kerang, Republik Indonesia.

Penandatanganan MoU berkenaan merupakan salah satu inisiatif KUPU SB dalam memperkukuh kerjasama serta memperluas perkongsian pengalaman dan amalan terbaik bersama agensi dan institusi pendidikan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kerjasama berkenaan merangkumi pertukaran pelajar dan kakitangan, pertukaran penerbitan, pelaksanaan program penyelidikan bersama, kerjasama dalam bidang pengajaran serta bidang-bidang lain yang memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Melalui pemeteraian MoU berkenaan, KUPU SB diharap akan dapat terus memperluas jaringan kerjasama akademik antarabangsa, sekali gus membuka lebih banyak peluang bagi pembangunan pendidikan, penyelidikan dan perkongsian ilmu antara institusi yang terlibat.



RA'ES KUPU SB hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya menandatangani MoU bagi pihak KUPU SB (atas dan kiri).

Pengalaman praktikal tingkatkan kemahiran pelajar dalam industri perhotelan



SEKOLAH Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menganjurkan tugasan amali bagi pelajar Tahun 11 BTEC Hospitality berlangsung di The Rizqun International Hotel, yang memfokuskan kepada topik Accommodation Services in Hospitality (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Oktober. - Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS) baru-baru ini telah menganjurkan tugasan amali bagi pelajar Tahun 11 BTEC Hospitality berlangsung di The Rizqun International Hotel, yang memfokuskan kepada topik Accommodation Services in Hospitality.

Sepanjang sesi amali berkenaan, para pelajar telah melaksanakan tugas pengemasan, termasuk mengemas katil serta membersihkan bilik air.

Aktiviti berkenaan memberi peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari di dalam bilik darjah dalam persekitaran hotel yang sebenar.

Terdahulu, pada 13 Oktober 2026, para pelajar telah mengadakan lawatan ke hotel berkenaan bagi mengenali perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

Lawatan berkenaan merangkumi bilik-bilik hotel, kolam renang, kawasan kaunter hadapan (*front office*), dewan-dewan majlis, Coffee House serta dapur.

Selain itu, ia juga memberi pendedahan yang lebih luas kepada para pelajar mengenai operasi hotel dan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan dalam industri hospitaliti.

Melalui pengalaman pembelajaran berkenaan, para pelajar diharap dapat meningkatkan kemahiran praktikal serta memperoleh pengalaman secara langsung, khususnya dalam melaksanakan tugas pengemasan yang berkaitan dengan pembersihan dan penyediaan bilik tidur hotel.

Sesi amali berkenaan turut dihadiri oleh tiga guru BTEC Hospitality dari sekolah berkenaan serta Pegawai Fokus BTEC, Dayang Fatimah binti Md. Jaafar, bagi Program Khas dari Jabatan Sekolah-Sekolah.



Usaha memperkasa masyarakat mahir, berkebolehan dalam Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Al-Muflihun Learning

BELAIT, Rabu, 21 Oktober. - Syarikat Al-Muflihun Learning dan PQT | Private Quran Teacher dengan kerjasama Persatuan Sinar Islam baru-baru ini mengadakan Program Bimbingan Muallaf Siri Ke-1 : Pengukuhan Al-Quran bertempat di Bangunan Persatuan Sinar Islam, Kuala Belait.

Seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada kalangan mualaf dan orang awam hadir mengikuti program yang diungkayahkan oleh dua syarikat pemilik tunggal tersebut.

Antara pengisian melalui program yang diadakan adalah pengukuhan bacaan Surah Al-Fatihah sebagai satu rukun yang wajib dalam menunaikan solat serta pengajarannya yang disampaikan oleh Pengasas Al-Muflihun, Awangku Abdul Qayum bin Pengiran Bakar.

Selain daripada itu, sesi pemahaman surah melalui kaedah penerapan Bahasa Arab juga telah disampaikan oleh tenaga pembimbing iaitu Pengasas PQT | Private Quran Teacher, Dayang Nur Darwismah binti Dahari.

Turut membantu dalam memberikan khidmat bagi program tersebut adalah penglibatan daripada mahasiswa Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Program diserikan dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada seluruh peserta yang telah sempurna mengikuti program tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Dipertua Persatuan Sinar Islam, Awang Abdul 'Alim bin Abdullah Igol.

Dalam ucapan alu-aluan pengerusi program, Awangku Abdul Qayum mengharapkan agar program yang dijalankan dapat terus dikembangkan lagi pelaksanaannya ke tempat-tempat yang lain.

Di samping itu juga, menyokong sama usaha Al-Muflihun & PQT | Private Quran Teacher dalam membantu lebih ramai masyarakat lagi untuk mahir dan berkebolehan dalam membaca kitab suci Al-Quran.

Program yang diungkayahkan secara berkolaborasi ini diadakan bertujuan untuk memberikan bimbingan lanjutan kepada masyarakat mualaf dan seterusnya menambahkan lagi rasa minat terhadap bimbingan Al-Quran secara berterusan.

Selain daripada itu juga, Al-Muflihun & PQT | Private Quran Teacher mengharapkan agar melalui program ini, ia akan membuka jaringan kolaborasi yang lebih luas bersama mana-mana pihak-pihak sama ada sektor kerajaan, swasta ataupun Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Turut hadir dalam program tersebut ialah pegawai daripada UNISSA iaitu Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah dan Pensyarah daripada Fakulti Bahasa Arab, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Abdul Karim.



SERAMAI 60 orang peserta yang terdiri daripada kalangan mualaf dan orang awam hadir mengikuti program yang diungkayahkan oleh dua syarikat pemilik tunggal tersebut.

ARTIFAK PURBA ROM DILELONG PADA HARGA TERTINGGI US$34.3 JUTA

NEW YORK, 23 Okt. - Sebuah arca marmar bahagian tubuh seorang maharaja Rom yang berusia kira-kira 2,000 tahun berjaya dilelong pada harga US$34.3 juta di New York, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) yang memetik firma lelong Sotheby's pada Khamis.

Menurut Sotheby's, harga itu kira-kira tiga kali ganda lebih tinggi daripada anggaran awal, sekali gus mencatatkan harga tertinggi pernah dibayar dalam lelongan bagi artifak purba Rom.

Firma lelong itu memaklumkan bahawa lima pembida bersaing selama hampir 15 minit untuk mendapatkan arca berkenaan, namun identiti pembida yang berjaya tidak didedahkan pada peringkat awal.

"Arca marmar bahagian tubuh ini berasal dari abad pertama Masihi, iaitu zaman awal Empayar Rom," menurut Sotheby's menerusi hantaran di platform X.

"Dengan ukiran yang luar biasa serta saiznya yang mengagumkan, arca itu pastinya melambangkan keagungan dan kekuasaan Rom kepada sesiapa sahaja yang melihatnya 2,000 tahun lalu," menurut hantaran itu. - ©BERNAMA

Ribuan melarikan diri susulan keganasan di tenggara DRC

NEW YORK, 22 Okt. - Keganasan yang semakin meningkat di tenggara Republik Demokratik Congo (DRC) telah memaksa ribuan penduduk melarikan diri daripada rumah mereka sejak Ogos, menurut anggota kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada Rabu, lapor Xinhua.

Menurut Pejabat PBB untuk Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan (OCHA), rakan kongsinya melaporkan bahawa hampir 12,000 orang melarikan diri dari kawasan Nambya di wilayah Haut-Lomami ke wilayah Mitwaba di wilayah Haut-Katanga pada Isnin, selepas serangan yang dilaporkan membunuh dua orang awam, mencederakan yang lain dan membawa kepada penculikan.

OCHA memaklumkan keluarga yang baru berpindah itu menyertai kira-kira 14,500 yang lain yang melarikan diri dari serangan serupa awal bulan ini.

Pendatang baharu itu memberikan lebih tekanan kepada komuniti tuan rumah dan meningkatkan keperluan kemanusiaan, terutamanya untuk perlindungan, tempat tinggal, makanan, penjagaan kesihatan, air dan sanitasi.

Pejabat itu memberi amaran keganasan selanjutnya boleh memaksa lebih ramai keluarga melarikan diri dan menyukarkan lagi pekerja kemanusiaan untuk membantu penduduk yang memerlukan.

OCHA mengulangi gesaannya agar semua pihak melindungi orang awam, menghormati undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan memastikan akses kemanusiaan yang selamat, berterusan dan tanpa halangan kepada penduduk yang memerlukan. - ©BERNAMA

Macron singgah di Arab Saudi dalam jelajah ke Asia Barat

BEIRUT/PARIS, 22 Okt. - Presiden Republik Perancis Emmanuel Macron membuat persinggahan tanpa dirancang di ibu negara Arab Saudi, Riyadh, pada Rabu semasa jelajah beliau ke Asia Barat, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Putera Mahkota Arab Saudi merangkap pemerintah de facto, Mohammed bin Salman, menerima menghadap Presiden Republik Perancis itu, menurut agensi berita rasmi SPA.

Istana Élysée memaklumkan Republik Perancis telah mencapai persetujuan dengan Arab Saudi untuk melanjutkan bekalan tambahan bahan api diesel. Penghantaran tambahan itu akan diteruskan selama mana yang diperlukan, bagaimanapun tiada butiran lanjut diberikan.

Selain itu, Republik Perancis berhasrat memperluas kerjasamanya dengan Arab Saudi dalam perlindungan infrastruktur tenaga kritikal. Kedua-dua negara turut berhasrat memajukan projek-projek infrastruktur yang direka bagi mengurangkan kebergantungan mereka kepada Selat Hormuz.

Lawatan berkenaan berlangsung di tengah-tengah konflik di Yaman yang menjejaskan Arab Saudi. Kerajaan Arab Saudi menyokong Kerajaan Yaman yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam penentangannya terhadap Kumpulan Houthi.

Kumpulan Houthi yang bersekutu dengan Republik Islam Iran, telah memberikan tamparan hebat ke atas kerajaan Arab itu. Serangan peluru berpandu ke atas lapangan terbang di Riyadh awal bulan ini mengakibatkan 13 kematian dan menyebabkan lebih 300 orang cedera.

Sebelum ini, Macron telah melawat negara-negara Teluk seperti Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Lawatan ke Arab Saudi itu tidak diumumkan secara terbuka terlebih dahulu. - ©BERNAMA

Gangguan Google Cloud jejaskan bank, peruncit dan perkhidmatan penghantaran di UK

LONDON, 21 Okt. - Gangguan yang menjejaskan infrastruktur Google Cloud di Eropah Barat menyebabkan beberapa perkhidmatan dalam talian di United Kingdom (UK) dan antarabangsa mengalami gangguan pada Selasa, termasuk aplikasi perbankan, peruncit dan syarikat penghantaran, lapor Anadolu Ajansi.

Penyedia perkhidmatan kewangan Revolut, Lloyds Bank dan HSBC antara yang terjejasmanakala peruncit barangan pembaikan rumah Screwfix serta syarikat penghantaran DPD turut mengalami masalah, menurut Downdetector, platform yang menjejaki laporan pengguna mengenai gangguan perkhidmatan.

Jutaan pelanggan Revolut dilaporkan tidak dapat mengakses akaun atau membuat pembayaran menggunakan kad berikutan gangguan sistem itu. Platform perbankan digital berkenaan, yang menyediakan perkhidmatan kepada lebih 80 juta pelanggan di seluruh dunia, termasuk 13 juta di UK, memaklumkan bahawa beberapa perkhidmatannya tidak tersedia akibat "gangguan perkhidmatan".

Google Cloud mengesahkan isu yang menjejaskan pelbagai perkhidmatan di pusat infrastrukturnya di Eropah Barat dengan gangguan itu dilaporkan turut melibatkan infrastrukturnya yang berpangkalan di London.

"Kami sedang mengalami masalah yang melibatkan pelbagai perkhidmatan di rantau 'europe-west2' sejak Isnin," menurut kenyataan syarikat itu.

"Pasukan kejuruteraan kami terus menyiasat isu berkenaan. Kami memohon maaf kepada semua pihak yang terjejas akibat gangguan".

Google memaklumkan bahawa pasukan produk dan kejuruteraannya sedang berusaha memulihkan perkhidmatan, sambil memberi amaran bahawa pelanggan yang terjejas mungkin mengalami kegagalan sambungan dan kelewatan.

"Pasukan produk dan kejuruteraan kami sedang giat berusaha untuk memulihkan ketersediaan perkhidmatan sepenuhnya," menurut syarikat itu.

"Pelanggan yang terjejas mungkin mengalami kegagalan sambungan sesi ketika mengakses Google Security Operations, selain kelewatan dalam aliran kerja platform".

Menurut syarikat itu,tiada penyelesaian sementara yang tersedia ketika kejadian dan mengesahkan bahawa siasatan bagi mengenal pasti punca gangguan sedang dijalankan. - ©BERNAMA

16 maut, 32 cedera akibat gempa bumi di Xizang, China

LHASA, 23 Okt. - Seramai 16 orang maut manakala 32 lagi cedera selepas gempa bumi berukuran 7.0 magnitud melanda Daerah Baqen di Bandar Nagqu, Wilayah Autonomi Xizang, barat daya China, pada 10.33 malam Khamis (waktu Beijing), menurut Biro Pengurusan Kecemasan bandar itu.

Agensi berita Xinhua melaporkan bahawa setakat 2.25 pagi Jumaat, 11 mangsa yang cedera dilaporkan dalam keadaan parah manakala 21 lagi mengalami cedera ringan.

Lebih 300 rumah turut musnah akibat gempa bumi itu.

Penilaian lanjut terhadap kerosakan akibat bencana sedang dijalankan, sementara operasi bantuan dan menyelamat masih diteruskan.

Lebih 300 anggota polis telah dikerahkan ke pusat gempa bagi menjalankan operasi bantuan, manakala pasukan bomba dan penyelamat wilayah itu turut mengerahkan 347 anggota ke kawasan terjejas. - ©BERNAMA

Alat AI baharu boleh ramal kebarangkalian hidup pesakit kanser melalui gambar swafoto - Kajian

ISTANBUL, 21 Okt. - Penyelidik Amerika Syarikat (AS) membangunkan alat Kecerdasan Buatan (AI) yang boleh meramalkan kebarangkalian hidup pesakit kanser berdasarkan sekeping gambar wajah, menurut kajian yang diterbitkan pada Isnin dalam jurnal The Lancet Digital Health, lapor Anadolu Ajansi.

Dibangunkan oleh penyelidik di Mass General Brigham, Massachusetts, AS, sistem yang dikenali sebagai FAHR-Face itu menganalisis ciri-ciri wajah untuk menganggarkan usia biologi dan risiko kematian, sekali gus berpotensi membantu doktor membuat keputusan rawatan.

Model itu dilatih menggunakan lebih 40 juta gambar wajah dan disesuaikan menjadi dua alat, iaitu FAHR-FaceAge, yang menganggarkan usia biologi dan FAHR-FaceSurvival, yang meramalkan kebarangkalian hidup pesakit kanser secara langsung berdasarkan imej wajah tanpa bergantung pada anggaran usia.

Penyelidik mendapati model ramalan kelangsungan hidup itu tertumpu terutamanya pada kawasan bawah mata dan sekitar hidung manakala model anggaran usia menganalisis ciri-ciri wajah di sekitar mulut dan pelipis. Dapatan itu menunjukkan bahawa kedua-dua sistem mengenal pasti corak berkaitan kesihatan yang berbeza.

Model ramalan kelangsungan hidup itu dilatih menggunakan imej 34,363 pesakit dan diuji terhadap 3,820 pesakit lagi. Keputusannya turut disahkan secara bebas menggunakan data daripada 4,892 pesakit kanser di Belanda.

Penyelidik mendapati bahawa pesakit yang dikategorikan dalam kumpulan risiko tertinggi mempunyai risiko kematian lebih tiga kali ganda berbanding mereka dalam kumpulan risiko terendah, walaupun selepas faktor klinikal diambil kira.

Pesakit yang wajahnya kelihatan sekurang-kurangnya lima tahun lebih tua daripada usia sebenar turut mempunyai risiko kematian 21 peratus lebih tinggi manakala mereka yang kelihatan sekurang-kurangnya lima tahun lebih muda mempunyai risiko 17 peratus lebih rendah.

Gabungan kedua-dua model berkenaan meningkatkan lagi ketepatan ramalan kelangsungan hidup pesakit, menurut kajian itu.

Penyelidik berkata teknologi itu berpotensi membantu doktor menilai tahap kesihatan pesakit dan menentukan keputusan rawatan. Bagaimanapun, pengesahan lanjut diperlukan sebelum teknologi itu boleh digunakan secara meluas dalam amalan klinikal. - ©BERNAMA



NBD KOMITED MEMPERKUKUH KERJASAMA SUKAN ASEAN



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai Sukan Kali Ke-17 (17th ASEAN Senior Officials Meeting on Sports - SOMS-17) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

SIEM REAP, KEMBOJA, Jumaat, 23 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) terus komited dalam memperkukuh kerjasama ASEAN dalam bidang sukan serta melaksanakan Pelan Kerja ASEAN mengenai Sukan (ASEAN Work Plan on Sports - AWPS) 2026-2030 melalui penyertaan dalam Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai Sukan Kali Ke-17 (17th ASEAN Senior Officials Meeting on Sports - SOMS-17) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, yang berlangsung pada 20 hingga 22 Oktober 2026 di Siem Reap, Kemboja.

Delegasi NBD ke mesyuarat-mesyuarat tersebut diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Mesyuarat SOMS-17 dianjurkan oleh Kerajaan Kemboja melalui Kementerian Pendidikan, Belia dan Sukan, dan dipengerusikan oleh Setiausaha Negara di Kementerian Pendidikan, Belia dan Sukan, Tuan Yang Terutama Vath Chamroeun.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan sukan dari Negara-negara Anggota ASEAN serta Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat meneliti kemajuan pelaksanaan AWPS 2026-2030, iaitu rangka kerja lima tahun yang menjadi panduan bagi kerjasama sukan ASEAN, serta inisiatif-inisiatif sukan di peringkat serantau.

Sesi terbuka mesyuarat turut dihadiri oleh rakan kerjasama dan entiti yang berkaitan dengan ASEAN.

Dalam Mesyuarat SOMS-17, NBD berkongsi perkembangan utama berhubung sumbangannya dalam kerjasama sukan serantau, termasuk penganjuran Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Kali Ke-14 pada November 2025, perkembangan Fasa II Zon Sukan ASEAN (ASEAN Sports Zones Phase II) serta sambutan Hari Sukan ASEAN 2025.

Pada 21 Oktober 2026, NBD turut menyertai Mesyuarat SOMS+Jepun Kali Ke-9 (9th SOMS+Japan), yang dipengerusikan bersama oleh Kemboja dan Jepun. Mesyuarat tersebut meneliti kemajuan pelaksanaan inisiatif ASEAN-Jepun mengenai sukan, termasuk kesaksamaan gender, pendidikan jasmani dan sukan untuk pembangunan, kejurulatihan, pembangunan kapasiti antidoping serta inisiatif Bola Sepak bagi Matlamat Pembangunan Mampan (Football for SDGs).

Manakala pada 22 Oktober 2026, NBD turut menyertai Mesyuarat SOMS+China Kali Ke-5 (5th SOMS+China), yang dipengerusikan bersama oleh Kemboja dan Republik Rakyat China.

Mesyuarat tersebut bertukar-tukar pandangan mengenai bidang keutamaan kerjasama sukan ASEAN-China, termasuk sains sukan, Program Biasiswa Sukan ASEAN-China (ASEAN-China Sports Scholarship Programme), sukan dan permainan tradisional serta ASEAN Sports Zones.

Di samping itu, NBD yang diwakili oleh KKBS serta Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), turut menghadiri Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja mengenai Pelaksanaan Memorandum Persefahaman ASEAN-FIFA (1st Meeting of the Working Group on the Implementation of the ASEAN-FIFA Memorandum of Understanding).

Delegasi NBD turut disertai oleh dua orang pegawai kanan dari KKBS.

Menggalakkan amalan gaya hidup aktif, sihat melalui Pertandingan Boling

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Oktober. - Dalam usaha memperkukuh ukhuwah dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan pemimpin serta guru-guru sekolah ugama, Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei I menganjurkan Pertandingan Boling di Golden Bowling Brunei, The Airport Mall, petang tadi.

Pertandingan tersebut menyaksikan Sekolah Ugama Tanjong Kindana Sungai Bunga muncul sebagai johan, manakala Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna meraih tempat kedua dan Sekolah Ugama Tentera Laut Diraja Brunei menduduki tempat ketiga.

Sementara itu, bagi Kategori Individu, Dayang Noraziera binti Haji Ismail dari Sekolah Ugama Mabohai dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Perempuan, manakala Awang Muhammad Rizam bin Musa dari Sekolah Ugama Tanjong Kindana Sungai Bunga meraih gelaran Pemain Terbaik Lelaki.

Pertandingan berkenaan melibatkan penyertaan sebanyak 20 pasukan daripada sekolah-sekolah ugama di Kawasan Brunei I.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lontaran perasmian sebelum pertandingan dimulakan. Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi Kategori Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga serta Pemain Terbaik Lelaki dan Pemain Terbaik Perempuan, sebelum diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Penganjuran pertandingan ini merupakan antara inisiatif untuk menggalakkan penglibatan warga pendidik dalam aktiviti sukan dan rekreasi selain memupuk semangat kerjasama serta menggalakkan amalan gaya hidup aktif dan sihat.



SESI bergambar ramai pada Pertandingan Boling di Golden Bowling Brunei, The Airport Mall.

TAHUKAH AWDA

PERMOHONAN bagi mengasuh anak *laqid* boleh dihadapkan terus secara bersurat kepada Pengarah Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. Surat permohonan hendaklah menyatakan hasrat dan tujuan permohonan. Pemohon hendaklah warganegara Brunei Darussalam, beragama Islam, kedua-dua pasangan berumur sekurang-kurangnya 18 tahun lebih tua daripada anak yang dipohonkan dan tidak melebihi 45 tahun, tempoh perkahwinan telah mencapai sekurang-kurangnya lima tahun dan tidak mempunyai anak atau anak angkat.

SUMBER : *www.japem.gov.bn.*